

"SESUNGGUHNYA Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Al-Qadr; Dan apakah engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam Al-Qadr itu? Malam Al-Qadr itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, para Malaikat dan Jibril turun dengan izin Tuhan mereka, untuk mengatur segala urusan. Sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Qadr, ayat 1 - 5

## MEMPERKUKUH JATI DIRI, SEMANGAT CINTAKAN NEGARA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terus komited memperkukuh kefahaman sejarah negara serta menyemarakkan semangat patriotisme dan kecintaan kepada raja dan negara melalui penganjuran Majlis Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026.

Majlis yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa itu menghimpunkan para pemimpin, pegawai kerajaan, ahli akademik dan pelajar dalam satu platform wacana ilmiah dan dialog terbuka yang beradab dan konstruktif.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Misle bin Haji Abd. Karim; serta ketua-ketua jabatan di bawah kementerian berkenaan.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Abdul Haziq bin Hanafi.

>> Muka 3



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menyampaikan Ucapan Pendahuluan bertajuk 'Pesan Nini Kepada Cucu Tentang Kemerdekaan (Puisi 42 Tahun Merdeka)' .



### Berita Utama



**HLTF EI** : Bincang isu ekonomi global, tadbir urus

Muka 7



**PERAIRAN** Brunei bebas daripada air kemerah-merahan

Muka 9



**SUNTIK** semangat patriotisme dalam kalangan pelajar

Muka 10



**HAYATI** peristiwa Nuzul Al-Quran, rebut ganjaran membacanya sepanjang Ramadan

Muka 20

## Kementerian Pembangunan sertai Majlis Bertadarus di Istana Nurul Iman

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Kira-kira 700 warga Kementerian Pembangunan menyertai Majlis

Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Surau, Istana Nurul Iman, yang diadakan bagi malam ke-11.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar.

Sementara itu, hadir sama di ruangan jemaah perempuan, Setiausaha Tetap,

Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohammad Yaakub; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang), Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah dan seterusnya Sembahyang Sunat Witir.

>> Muka 3

## Tadarus Al-Quran diteruskan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Februari. - Hidupkan bulan Ramadan dengan Asmaul Husna dengan mengetengahkan 'Al-Hadi' (Yang Maha Pemberi Petunjuk) diterangkan dalam sesi tazkirah menyemarakkan lagi malam Tadarus Al-Quran berlangsung di Istana Nurul Iman, malam tadi.

Penolong Pegawai Perkembangan Ugama di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Awang Muhammad Salihan bin Samra semasa menyampaikan tazkirah di Surau Istana Nurul Iman, di sini, menerangkan bahawa 'Al-Hadi' adalah menunjukkan jalan kebenaran dan membimbing keimanan dan ia disebut dua kali dalam kitab suci Al-Quran iaitu dalam Surah Al-Furqan dan Surah Al-Hajj.

Awang Muhammad Salihan juga menyentuh, antara tanda seseorang

mendapat hidayah iaitu hatinya lembut menerima nasihat, rasa bersalah apabila melakukan dosa, suka kepada majlis ilmu dan tenang apabila melakukan kebaikan. Sebaliknya, tambahnya, apabila hati semakin keras, tidak suka mendengar kebenaran, itu tanda hidayah semakin menjauh.

Seramai 700 warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengimarahkan malam tadarus ke-10 terdiri daripada 490 lelaki.

Hadir bersama rombongan ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Timbalan Setiausaha Tetap I, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi.

>> Muka 4

### Rombongan KHEDN bertadarus di Masjid Kampung Puni, Daerah Temburong

Oleh : Marlinawaty Hussin

**TEMBURONG**, Sabtu, 28 Februari. - Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Daerah Temburong diadakan hari ini bertempat di Masjid Kampung Puni, Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

>> Muka 6

# Memantapkan hala tuju pembangunan melalui penambahbaikan berterusan

**Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wasaalatu Wassalaamu  
'Ala Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammad Wa'ala  
Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

**A**LHAMDULILLAH, setinggi-tinggi kesyukuran peramba / kaola / saya panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua, kita diberikan kesempatan untuk berhimpun pada pagi ini dalam Sesi Muzakarah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersama Kementerian Pembangunan.

Peramba / kaola / saya terlebih dahulu menghargai kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli MMN untuk meluangkan masa menghadiri sesi muzakarah bersama dengan Kementerian Pembangunan pada pagi ini. Kehadiran Yang Berhormat mencerminkan keprihatinan yang tinggi terhadap usaha memperkukuh perancangan dan pelaksanaan pembangunan negara.

Merujuk kepada perjumpaan muzakarah *kitani* pada tahun 2025, ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan mengenai dengan cadangan-cadangan pembaikan beberapa fungsi-fungsi yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian ini. InsyaaAllah dalam sesi pagi ini nanti pegawai-pegawai daripada Kementerian Pembangunan akan memberikan keterangan lanjut mengenai

perkara-perkara tersebut.

Sehubungan dengan itu jua, Kementerian Pembangunan telah melaksanakan beberapa sesi perjumpaan dan muzakarah bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung antaranya pada bulan Disember 2025 yang lepas di Daerah Temburong dan beberapa sesi perjumpaan di antara Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung yang diadakan bersama di antara Kementerian Pembangunan bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di kesempatan ini jua, peramba / kaola / saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas segala perkongsian maklumat yang telah dikongsikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat MMN kepada peramba / kaola / saya khususnya dan kepada pegawai-pegawai di Kementerian ini dalam usaha bersama untuk mengongsikan maklumat yang memerlukan tindakan dan perhatian segera oleh Kementerian ini. InsyaaAllah dengan usaha-usaha dan perhubungan yang dilaksanakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersama Kementerian ini telah banyak menyumbang kepada pembaikan-pembaikan yang telah dapat dilaksanakan dengan kadar segera.

Segala input, cadangan serta pandangan yang disuarakan telah dijadikan asas dan rujukan utama dalam memperbaiki hala tuju, usaha dan tindakan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan. Perkara ini khususnya merangkumi usaha penambahbaikan tadbir urus (*good governance*), pematuhan

(*compliance*), pengukuhan etika kerja (*work ethic*), serta pengurusan hal ehwal pentadbiran dan kewangan. Kesemua elemen ini adalah berkait rapat dengan pelaksanaan dan pengurusan projek-projek di bawah penyeliaan Kementerian ini, yang memberi tumpuan kepada penyediaan keperluan infrastruktur, perumahan, sistem saliran bekalan air dan penyelenggaraan jalan raya.

Peramba / kaola / saya masih ingat pada tahun lepas (tahun 2025), ada memaklumkan mengenai dengan 18 Projek melalui Kontrak Penggal Jabatan Jalan Raya bagi pemeliharaan dan pembaikan Jalan Raya. InsyaaAllah pada pagi ini, Yang Mulia Puan Dr. Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan akan memberikan penerangan terperinci mengenai dengan progress bagi 18 kontrak-kontrak penggal yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Jalan Raya.

Demikian jua beberapa penerangan dan perkara yang memerlukan perkongsian dan kemas kini terkini antaranya perancangan strategik 5 tahun Kementerian Pembangunan selaras dengan Wawasan Negara 2035, kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran dan pembedungan dan jua bekalan air.

Secara keseluruhannya, Kementerian Pembangunan mengambil maklum segala pandangan, cadangan dan kebimbangan yang dibangkitkan. Cabaran sedia ada akan terus ditangani secara berperingkat melalui



**MENTERI** Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Pembangunan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Selasa, 27 Januari 2026 yang berlangsung di Dewan Atria Jabatan Kerja Raya.

pelaksanaan projek, penyesuaian bersama jabatan serta agensi berkepentingan, dan penambahbaikan berterusan terhadap SOP, pemantauan prestasi dan meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan.

Yang Berhormat Pehin-pehin, Pengiran, Ahli-ahli MMN, peramba / kaola / saya sekali lagi amat menghargai serta mengucapkan terima kasih atas sebarang pandangan dan buah fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan dikongsikan dalam perjumpaan pada pagi ini.

*Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	ISNIN	12	5.04	5.15	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43
3	SELASA	13	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
4	RABU	14	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
5	KHAMIS	15	5.03	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
6	JUMAAT	16	5.03	5.14	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
7	SABTU	17	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
8	AHAD	18	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar 31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong 31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait 31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

2 MAC 2026

### Raih keberkatan Ramadan dengan bersedekah

**B**ULAN Ramadan merupakan bulan yang penuh rahmat, keampunan dan keberkatan. Dalam bulan yang mulia ini, setiap amalan kebaikan dilipatgandakan pahalanya. Bulan yang sangat dimuliakan dan penuh dengan keberkatan ini memberi kita peluang untuk menambah pahala dan memohon keampunan Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan apa yang telah diperintahkan oleh-Nya.

Pada bulan ini, umat Islam berlumba-lumba merebut pahala dengan melakukan amal kebajikan dan antara amalan yang sangat dituntut ialah bersedekah.

Allah Subhanahu Wata'ala sangat memuliakan orang-orang yang bersedekah. Ia menjanjikan banyak keutamaan dan balasan yang menakjubkan bagi orang-orang yang sering bersedekah.

Amalan bersedekah ini juga berperanan membersihkan harta dan menyucikan jiwa. Harta yang dimiliki bukanlah hak mutlak individu, tetapi terdapat hak orang lain di dalamnya. Dengan menghulurkan sebahagian daripada rezeki yang dikurniakan, seseorang itu sebenarnya sedang mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala. Sedekah mendidik hati agar tidak terlalu cintakan dunia serta mengikis sifat kedekut dan mementingkan diri sendiri.

Di samping itu, sedekah bukan hanya terbatas kepada harta benda. Dalam Islam, setiap kebaikan adalah sedekah. Memberikan senyuman, membantu orang, menyumbang tenaga dalam aktiviti kebajikan, atau menyampaikan kata-kata yang baik dan menenangkan hati juga merupakan bentuk sedekah. Bahkan, menyediakan juadah berbuka puasa untuk orang yang berpuasa mempunyai ganjaran yang besar, seolah-olah mendapat pahala seperti orang yang berpuasa itu sendiri tanpa mengurangkan pahala mereka sedikit pun.

Di Negara Brunei Darussalam, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) giat membuka peluang kepada orang ramai untuk menginfakkan sedekah seperti bantuan keperluan harian kepada orang-orang yang memerlukan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memberi akses kepada orang ramai untuk bersedekah untuk golongan yang memerlukan terutama sekali menjelang Syawal nanti.

Oleh itu, Ramadan adalah peluang keemasan yang tidak seharusnya dilepaskan. Setiap detik dalam bulan ini merupakan ruang untuk memperbaiki diri dan memperbanyakkan amalan soleh. Bersedekah adalah salah satu jalan terbaik untuk meraih keberkatan, membersihkan harta, menyuburkan kasih sayang dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita memanfaatkan Ramadan dengan memperbanyakkan sedekah, agar kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba yang mendapat rahmat dan keampunan serta keberkatan hidup di dunia dan akhirat. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دچیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Memperkukuh jati diri, semangat cintakan negara



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 dan seterusnya menyampaikan Ucapan Pendahuluan (kiri dan kanan).

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan Ucapan Pendahuluan bertajuk 'Pesan Nini Kepada Cucu Tentang Kemerdekaan (Puisi 42 Tahun Merdeka)' yang sarat dengan mesej mengenai erti kedaulatan, kesyukuran atas nikmat kemerdekaan serta kepentingan mempertahankan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) berlandaskan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah.

Acara kemuncak majlis ialah Sesi Bual Bicara Hari Kebangsaan bertajuk 'Mempertahankan Kedaulatan Negara: Menelusuri Era Lindungan British dan Pembentukan Jati Diri Brunei' yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dengan moderator, Awang Haji Mohd. Jaya bin Haji Metussin.

Antara inti pati utama yang diketengahkan termasuk penegasan bahawa institusi



kesultanan kekal sebagai sauh kedaulatan sepanjang era lindungan British, Islam berperanan sebagai benteng utama dalam mengekalkan struktur sosial dan perundangan negara, serta kedudukan Brunei sebagai satu 'kekecualian' di rantau ini apabila status negeri lindungan dilihat sebagai usaha melindungi dan mengekalkan identiti Negara MIB, bukan menyerahkan kedaulatan.

Majlis turut diserikan dengan Bacaan Selawat Tafriyyah oleh mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Turut hadir memeriahkan majlis ialah para penghulu dan ketua

kampung, mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB, Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), sekolah-sekolah Arab, pegawai dan kakitangan Kementerian serta jabatan-jabatan berkaitan, belia masjid dan peserta Program Keugamaan Belia serta institusi pengajian tinggi yang lain.

Majlis Semarak HK Ke-42 ini dikendalikan bersama oleh PDI, KUPU SB, Bahagian Dasar dan Strategik serta Bahagian Pendakwa Syarie, KHEU sebagai wadah memperkukuh jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan masyarakat.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1  
Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman selaku Pengerusi Bersama Majlis.



SEKITAR majlis tersebut yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (kiri dan kanan).

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SERTA MAJLIS BERTADARUS DI ISTANA NURUL IMAN



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bagi malam ke-11 di Surau, Istana Nurul Iman.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1  
Tazkirah bertajuk 'Hidupkan Bulan Ramadan dengan Asmaul Husna : Al-Malik (Yang Maha Berkuasa)' turut menyerikan lagi acara berkenaan, masing-masing disampaikan oleh Penolong Pegawai

Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Naadzimur - Rahmaan @ Naadzim bin Awang Haji Ya'akub di ruangan jemaah lelaki, manakala Penolong Pegawai Ugama, PDI, Dayang Hajah Nur Hasyimah binti Haji Mohd. Yaasin pula di ruang

jemaah perempuan. Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan seterusnya majlis ditutup dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pembangunan serta pegawai dan guru ugama dari Jabatan Pengajian Islam.



**PEMEDULIAN PERKHIDMATAN AWAM**

Kaji Selidik Kepuasan Hati Pelanggan dilaksanakan bagi menilai kualiti penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan secara dalam talian

Sila imbas kod QR dan pilih agensi yang ingin dinilai

Untuk maklumat lanjut:  
[www.msd.gov.bn](http://www.msd.gov.bn)  
 @msabrunei

DITERBITKAN OLEH: JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN, JABATAN PERIDANA MENTERI, BRUNEI DARUSSALAM

# DALAMI ILMU TAJWID, PERBAIKI BACAAN AL-QURAN



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma anak-anak yatim (kanan dan atas).

Oleh : Nurdiyana Rajami

Foto : Nurdiyana Rajami, Ihsan Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Bertadarus dan Penyampaian Sabtu, 28 Februari. - Hospital Raja Derma Anak-anak Yatim bagi Isteri Pengiran Anak Saleha Warga Hospital RIPAS sempena (RIPAS) mengadakan Majlis bulan Ramadan 1447 Hijrah



bersamaan 2026 Masihi bertempat di Surau Nuurul 'Inayah, Hospital RIPAS, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di hospital berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai

**PEMANGKU** Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan hadir sama di majlis tersebut.

oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Seterusnya, Tadarus Al-Quran (Juzuk 7 hingga Juzuk 17), Bacaan Tahlil serta Doa Arwah dan juga Bacaan Doa Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Unit Perkhidmatan Agama, Hospital RIPAS, Awang Ahmad Syuja'ie bin Begawan Mudim Haji Metassim.

Majlis diteruskan dengan penyampaian derma anak-anak yatim kepada 21 orang penerima yang terdiri daripada warga Hospital RIPAS.

Majlis bertadarus ini merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan secara bergilir di keempat-empat daerah di NBD.

ia bertujuan untuk menyemarakkan lagi keberkatan bulan Ramadan dengan

memperbanyakkan bacaan Al-Quran serta menghayati maknanya.

Selain meningkatkan amalan ibadah, majlis ini juga berperanan dalam mengukuhkan ukhuwah Islamiah dan mempereratkan hubungan silaturahim antara warga Kementerian Kesihatan dan warga Hospital RIPAS.

Di samping itu, bertadarus juga memberikan peluang kepada para peserta untuk mendalami ilmu tajwid, memperbaiki bacaan Al-Quran, serta menanamkan nilai-nilai kesabaran dan kesatuan dalam kalangan kakitangan.

Aktiviti ini bukan sahaja menjadi wadah untuk menyuburkan kecintaan terhadap Al-Quran, ia juga mencerminkan semangat kebersamaan dalam mengamalkan ajaran Islam sebagai panduan kehidupan seharian.

## Tadarus Al-Quran diteruskan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir bersama rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya di majlis tadarus berkenaan (kanan dan atas).

>> Muka 1

Sementara di ruangan berasingan juga diadakan bagi jempunan perempuan yang dihadiri oleh seramai 210 warga KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff menerangkan,

'Al-Hadi' ialah Allah Subhanahu Wata'ala yang memberi hidayah, memimpin hati dan langkah kita ke jalan yang benar.

Dayang Siti Syuhaidah menekankan, dalam bulan Ramadan ini, jangan kita lupa untuk membentuk hati supaya lebih dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengenali dan menghayati Asmaul Husna.

Menurutnya, hidayah hanya milik Allah. Hanya Allah yang



memberi petunjuk. Hidayah dan istiqamah mesti diminta setiap hari kerana setiap hari ada ujian, emosi, nafsu, lidah dan sebagainya.

"Bila hati kita tergerak untuk buat kebaikan, jangan hanya lihat itu sebagai usaha kita, tetapi sebagai tanda Allah Al-Hadi sedang memimpin kita. Antara yang perlu dijaga dan dimohon petunjuk dan pimpinan adalah lidah : cara kita bercakap,

menjawab, melayan orang rumah, bercakap dengan pasangan, berurusan dan menegur orang.

"Kita tanamkan dalam hati: kita hanya membimbing dengan hikmah, soal hidayah itu adalah milik Allah," jelasnya.

Dari itu, tambahnya, setelah memohon hidayah, kita mohon ditetapkan hati, dan mohon supaya tetap istiqamah di jalan yang benar, setentunya dengan

pertolongan dan hidayah daripada Allah, 'Al-Hadi'.

Hadir bersama rombongan perempuan ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab. Rombongan pada malam tadarus ini membaca Al-Quran beramai-ramai dan sebelumnya menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diikuti Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir Berjemaah.

# MAJLIS BERTADARUS TERUS DISEMARAKKAN



**TUNGKU**, Sabtu, 28 Februari. - Bulan Ramadan terus disemarakkan dengan aktiviti-aktiviti keagamaan oleh pelbagai pihak di negara ini demi meraih keberkatan pada bulan suci ini.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) serta jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Bertadarus sempena Bulan Ramadan Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah

Urusan Agensi Pelaburan Brunei, ketua-ketua jabatan dan bahagian beserta pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan bacaan Tadarus Al-Quran secara beramai-ramai yang disertai oleh pegawai dan kakitangan MOFE.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan sumbangan infak serta diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang dipimpin oleh



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyerahan sumbangan infak (atas kiri dan atas).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Zulfadli bin Haji Awang.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan MOFE pada setiap tahun di bulan Ramadan dalam mengeratkan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan

kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di bawahnya sambil meraih pahala lebih-lebih lagi untuk mendapatkan keredaaan serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Majlis Bertadarus pada tahun ini diselenggarakan oleh Jabatan Perbendaharaan, MOFE.

## Kementerian Pembangunan membaca Surah Yaa Siin, bertahlil di Kubah Makam Diraja



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan hadir mengetuai rombongan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya di majlis berkenaan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Februari. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, pagi tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena dengan bulan Ramadan yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Abdul Rahman, dan paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir mengetuai rombongan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Atur cara diisikan dengan bacaan

Surah Yaa Siin dan diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Masjid, Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis, Awang Abdul Najib Syazwan bin Shahrani.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Tahlil dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar; ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit di Kementerian Pembangunan, serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

## Pendaftaran peperiksaan SPUB, STPUB, SSSRU dibukakan 2 Mac ini

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Februari. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sukacita memaklumkan bahawa pendaftaran bagi peperiksaan-peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB), Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi akan dibuka bermula hari Isnin, 2 Mac 2026 bersamaan 12 Ramadan 1447 hingga hari Khamis, 7 Mei 2026 bersamaan 19 Zulkaedah 1447.

Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan kepada pengetua-petgetua sekolah menengah Arab, pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkih dan guru-guru besar sekolah agama yang berkenaan supaya berhubung terus dengan pihak Bahagian Peperiksaan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai borang-borang pendaftaran berkenaan.

Bagi calon-calon persendirian yang berkeinginan untuk menduduki peperiksaan SPUB, STPUB dan SSSRU Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, supaya akan dapat mengambil borang-borang pendaftaran di Pejabat Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam bertempat di Aras Bawah, Bangunan KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas, BB3910, semasa waktu pejabat.



ANTARA yang hadir di majlis tersebut.

# ROMBONGAN KHEDN BERTADARUS DI MASJID KAMPUNG PUNI, DAERAH TEMBURONG



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma dan wakaf kepada para penerima di Masjid Kampung Puni, Daerah Temburong (atas, atas kiri dan bawah).

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu mukim dan ketua kampung; Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli MPMK Daerah Temburong beserta penduduk kampung sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan wakaf yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Majlis diteruskan dengan Bacaan Tadarus Al-Quran dan Bacaan Tahlil serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung

Puni, Awang Azry bin Haji Mohammad Yusoff.

Majlis ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang erat

dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya beserta ahli-ahli MPMK dan pemimpin akar umbi serta menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan.



## Fenomena Gerhana Bulan Penuh pada 3 Mac ini

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Merujuk permakluman dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan mengenai Fenomena Gerhana Bulan Penuh, insyaaAllah yang akan berlaku di Negara Brunei Darussalam, pada Selasa, 14 Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 3 Mac 2026 Masihi, bermula jam 4.44 petang hingga 10.23 malam.

Umat Islam adalah disunatkan untuk menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan jika sabit berlakunya gerhana.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) akan mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada hari berkenaan selepas Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah (Gerhana Bulan Penuh).

Oleh yang demikian, orang ramai dan jemaah adalah dialu-alukan hadir ke masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan pada tempat, hari dan masa yang telah dinyatakan.

## RB pantau perkembangan semasa di beberapa bahagian Timur Tengah

■ Siaran Akhbar : Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) sedang memantau dengan teliti perkembangan semasa di beberapa bahagian Timur Tengah yang telah menyebabkan penutupan ruang udara serta gangguan operasi di seluruh rantau berkenaan.

Keselamatan dan kesejahteraan penumpang serta kakitangan RB kekal menjadi keutamaan tertinggi.

RB mengekalkan penyelarasan rapat dengan kedutaan-kedutaan berkaitan dan pihak berkuasa tempatan di Jeddah, Dubai dan London bagi menyediakan sokongan yang diperlukan serta memastikan komunikasi berterusan dengan penumpang dan kru yang terjejas. Tumpuan RB kekal sepenuhnya terhadap keselamatan dan kebajikan mereka.

RB juga sedang bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa berkaitan untuk memudahkan kepulangan mereka ke Negara Brunei Darussalam dengan selamat secepat mungkin, tertakluk kepada keadaan ruang udara dan kelulusan yang diperlukan.

Penumpang yang penerbangan mereka terjejas dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan RB yang beroperasi 24 jam di talian +673 2212222, atau menghubungi RB melalui WhatsApp di +673 8383111, atau melayari [www.flyRB.com](http://www.flyRB.com) untuk bantuan lanjut dan maklumat terkini.

Maklumat lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa apabila tersedia.

## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Memperkasa Budaya Membaca'. Tarikh Tutup : 4 Mac 2026
2. 'Puasa Sebagai Latihan Disiplin Diri'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2026
3. 'Memupuk Budaya Menabung Sedari Kecil'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2026

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Membudayakan tadarus sebagai pengisian rohani kehidupan beragama



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir mengetahui rombongan KHEU, selaku tetamu kehormat majlis.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**MANGGIS / MADANG**, Sabtu, 28 Februari. - Bagi merebut ganjaran istimewa yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang bulan Ramadan, rombongan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran ke masjid, surau dan balai ibadat sempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

la juga bertujuan bagi menggalakkan budaya, membaca serta menghayati Al-Quran dalam kalangan masyarakat serta memakmurkan masjid sebagai pusat ibadah, dakwah dan ukhuwah.

Sehubungan itu, rombongan KHEU bersama jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi meneruskan Majlis Bertadarus Al-Quran dengan mengunjungi Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Rombongan tersebut diketuai oleh Setiausaha Tetap KHEU,

Shamsol bin Haji Omar dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Majlis diteruskan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU, Awang Haji Fansuri Sharimi@Mansur bin Haji Mohd. Ali.

Acara kemudian diikuti dengan tadarus Al-Quran, disusuli bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam Tingkat 3, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang, JHEM, KHEU, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Manakala Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, JHEM, KHEU, Awang Nuzli bin Haji Jumat.

Rombongan bertadarus Al-Quran pegawai dan kakitangan KHEU akan meneruskan program berkenaan dengan mengunjungi Masjid Kampung Kupang, Daerah Tutong yang dijadualkan pada Isnin, 2 Mac 2026, pukul 2.30

petang.

Melalui kunjungan ke masjid-masjid di seluruh negara, penganjuran Majlis Bertadarus Al-Quran ini diharapkan dapat memperkukuh jalinan silaturahim antara pegawai dan kakitangan KHEU bersama ahli jawatankuasa takmir serta penduduk setempat.

Program ini juga mencerminkan komitmen berterusan KHEU dalam memperluas syiar Islam, memperkasa fungsi masjid, surau dan balai ibadat sebagai institusi ummah serta membudayakan amalan bertadarus sebagai pengisian rohani yang berterusan dalam kehidupan beragama.

## HLTF EI : Bincang isu ekonomi global, tadbir urus

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**ILOILO CITY, REPUBLIK FILIPINA**, Sabtu, 28 Februari. - Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin menghadiri 49th Meeting of the ASEAN High-Level Task Force on Economic Integration (49th HLTF EI) yang diadakan pada 26 hingga 27 Februari 2026 di Iloilo City, Republik Filipina.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha bagi Dasar Perdagangan Antarabangsa, Jabatan Perdagangan dan Industri, Republik Filipina, Allan B. Gepty dan disertai oleh Timbalan Setiausaha Agung bagi Komuniti Ekonomi ASEAN serta semua Ahli ASEAN Pasukan Petugas Peringkat Tinggi mengenai Integrasi Ekonomi, termasuk, buat pertama kalinya, wakil dari Republik Demokratik Timor-Leste.

Mesyuarat tersebut membincangkan, antara lain, perkembangan ekonomi global dan serantau, isu tadbir urus HLTF, Keutamaan Penyampaian Ekonomi Filipina serta Pemantauan dan Penilaian AEC, dan bersetuju terhadap syor-syor untuk dikemukakan kepada Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM).

HLTF-EI berperanan sebagai penasihat kepada Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN. Mesyuarat tersebut diadakan sempena Kepengerusian ASEAN oleh Republik Filipina pada tahun ini, di bawah tema, 'Navigating Our Future, Together'.

Pasukan Petugas Peringkat Tinggi ASEAN mengenai Integrasi Ekonomi dijangka akan mengadakan mesyuarat seterusnya pada Ogos 2026.



**SETIAUSAHA** Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi ketika hadir pada 49th Meeting of the ASEAN High-Level Task Force on Economic Integration di Iloilo City, Republik Filipina.

# PERTUBUHAN WARGAMAS ADAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Pertubuhan WARGAMAS Brunei mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-7 di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Selawat Taffiriyah.

Kemudian, majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan dan penjelasan mengenai AGM Kali Ke-7 yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS bagi sesi 2021-2026,

**REKTOR UNISSA**, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal hadir selaku tetamu kehormat pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-7.

Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don selaku Pengerusi Majlis.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat telah menyampaikan ucapan khas dan disusuli dengan perasmian AGM Kali Ke-7.

Bagi menyerikan lagi majlis, persembahan 'Lagu Rasmi Pertubuhan WARGAMAS' disampaikan Warga Wira Persatuan WARGAMAS.

Acara juga diisikan dengan Sesi Pembentangan Laporan dan Kewangan Tahun 2025 dan Agenda Tambahan, dan diteruskan dengan Sesi Pemakluman Calon dan Pengundian Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (JKTT) bagi sesi 2026-2029 oleh Badan Penilaian, Pemilihan dan Sokongan (BPPS).

**SEKITAR** mesyuarat berkenaan yang diadakan di Dewan Auditorium, UNISSA (atas dan bawah).



## 35 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN PROJEK TITIAN KASIH PPPBD

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Ahad, 1 Mac. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) telah mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Makanan Asasi kepada keluarga yang kurang berkemampuan di ibu pejabat

persatuan di Kampung Anggerek Desa, pagi tadi.

Kegiatan yang diadakan itu merupakan salah satu daripada rangkaian aktiviti di bawah Projek Titian Kasih yang diusahakan bersempena kehadiran bulan

Ramadan yang mulia.

Seramai 35 buah keluarga yang memerlukan bantuan telah menerima sumbangan makanan asasi berupa beras, minyak, garam, gula, susu dan tin buah-buahan bagi membantu meringankan beban perbelanjaan harian mereka.

Penerima terdiri daripada

keluarga ahli-ahli persatuan dari sekolah-sekolah rendah dan menengah seluruh negara, termasuk lima orang muafaf yang kurang berkemampuan.

Majlis penyerahan sumbangan telah dipimpin dan disampaikan oleh Naib-naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat persatuan, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris dan Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Antara tujuan utama kegiatan ini adalah untuk berkongsi keberkatan Ramadan Al-Mubarak serta menyemai rasa kebahagiaan bersama golongan yang memerlukan.

Selain itu, projek ini juga bertujuan mendedahkan ahli-ahli kepada budaya berkhidmat kepada masyarakat di samping memupuk nilai jati diri, disiplin dan

semangat kerja berpasukan melalui aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan.

Projek berkenaan turut mendidik ahli-ahli muda supaya sentiasa bersiap sedia untuk berbakti kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara, selaras dengan cogan kata Pandu Puteri iaitu 'Siap Sedia', serta mengukuhkan hubungan silaturahim dan meningkatkan semangat muhibah dalam kalangan ahli persatuan.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani.

Turut hadir ialah Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.



MAJLIS Penyerahan Sumbangan Makanan Asasi bertujuan untuk berkongsi keberkatan Ramadan Al-Mubarak serta menyemai rasa kebahagiaan bersama golongan yang memerlukan.

## Projek Amal Baju Raya bantu masyarakat memerlukan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BERAKAS**, Ahad, 1 Mac. - Projek Amal Baju Raya merupakan sebuah inisiatif kebajikan yang

dianjurkan bagi membantu golongan yang memerlukan membuat persiapan menjelang

perayaan Aidilfitri nanti.

Projek tersebut dianjurkan oleh Persatuan Hand 4 Hand dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan serta Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, juga Universiti Islam Sultan Sharif Ali sebagai Rakan Strategik.

Hari Pengagihan bagi Projek Amal Baju Raya berkenaan diadakan pagi tadi di Pusat Skuasy, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), Berakas, bermula pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Menerusi projek tersebut, pihak penganjur mengumpulkan sumbangan daripada orang ramai untuk diagihkan kepada masyarakat terutama golongan yang memerlukan.

Antara sumbangan yang diterima bagi projek berkenaan termasuk baju kurung, baju Melayu, jubah, kurta, beg, songkok, tudung dan sinjang.

Sumbangan tersebut disusun dan digantung bagi membolehkan orang ramai memilih sendiri pakaian yang mereka inginkan.

Pengumpulan sumbangan bagi projek itu telah dijalankan pada 24 hingga 27 Februari yang lalu di Pusat Skuasy, KSNHB bermula pukul 12.00 tengah hari hingga 5.00 petang.

Kira-kira 20,000 helai pakaian telah diterima hasil sumbangan orang ramai, manakala sekitar 400 orang telah hadir pada hari pengagihan.

Maklumat lanjut mengenai inisiatif ini boleh didapati melalui akaun media sosial Instagram @hand4handbn.



Projek Amal Baju Raya anjuran Persatuan Hand 4 Hand

## Makluman terkini gangguan bekalan air, tekanan air rendah

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan perkembangan terkini berhubung gangguan bekalan air dan tekanan air rendah yang menjejaskan kawasan Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong.

Menurut siaran akhbar Jabatan Kerja Raya, bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Bukit Baru dan Loji Rawatan Air Layong telah kembali beroperasi sepenuhnya pada pukul 7.30 pagi tadi.

Walaupun bagaimanapun, meskipun kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan, sistem bekalan elektrik masih mengalami beberapa gangguan bekalan elektrik berulang sejak awal pagi sehingga ke petang ini.

Keadaan ini telah menyebabkan operasi loji rawatan air terganggu secara berkala, sekali gus mengakibatkan bekalan air menjadi tidak stabil di beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong.

Sehubungan itu, gangguan bekalan air yang berlaku pada masa ini adalah berpunca daripada ketidakstabilan bekalan elektrik, dan bukannya disebabkan oleh kerosakan pada sistem bekalan air itu sendiri.

Kejadian gangguan elektrik yang berlaku beberapa kali telah berlaku dari waktu pagi sehingga petang ini telah memberi kesan langsung terhadap operasi pengedaran dan pengagihan air.

Pada masa ini, Jabatan Perkhidmatan Elektrik sedang berusaha sedaya upaya untuk menstabilkan sepenuhnya bekalan elektrik khususnya di Loji Rawatan Air Bukit Baru bagi memastikan operasi dapat berjalan dengan lancar dan konsisten.

Jika bekalan elektrik dan air stabil, proses pengisian tangki-tangki sedang dilaksanakan dan pemulihan bekalan air kepada para pengguna akan dibuat secara berperingkat.

Pengguna di kawasan rendah dijangka menerima bekalan lebih awal, manakala kawasan yang berada di paras tinggi atau di hujung rangkaian paip mungkin mengalami kelewatan sebelum bekalan kembali stabil sepenuhnya.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk terus menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh pemulihan ini bagi membantu mempercepatkan proses penstabilan sistem.

Hubungi Talian Darussalam 123 untuk sebarang aduan mengenai bekalan air atau permohonan pembekalan air melalui *tanker*.

Jabatan Kerja Raya akan terus memantau keadaan ini secara rapi dan sebarang perkembangan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Pihak jabatan merakamkan penghargaan atas kesabaran dan kerjasama orang ramai serta memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dialami sepanjang tempoh gangguan ini.

## Beberapa kawasan di Daerah Belait hadapi gangguan bekalan air

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Jabatan Kerja Raya telah pun menerima aduan mengenai gangguan bekalan air di beberapa kawasan di Daerah Belait terutama di Mukim Labi dan kawasan sekitarnya.

Pihak jabatan sedang melaksanakan kerja-kerja penyasatan bagi mengenalpasti punca gangguan tersebut dan telah pun mengambil tindakan bersesuaian bagi membantu sebahagian kawasan yang terjejas.

Pengemaskinian akan diberikan sebaik sahaja pihak jabatan menerima maklumat lebih lanjut mengenainya.

Buat sementara waktu, penduduk di kawasan terlibat boleh mendapatkan bekalan air melalui tangki-tangki biru diletakkan di Rumah Panjang Mendaram Besar, Rumah Panjang Melayan, Balai Raya Labi, Dewan Rempayoh dan Rumah Panjang Teraja.

Kesabaran dan kerjasama orang ramai adalah sangat dihargai.

## PAKATAN ANJUR MAJLIS KHATAM AL-QURAN



**YANG** Dipertua PAKATAN, Awang Haji Aminorashid bin Haji Ghazali hadir selaku tetamu kehormat di majlis khatam berkenaan di Masjid Kampung Keriam (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Sabtu, 28 Februari. - Dalam sama - sama menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan yang penuh berkah dan mendekatkan diri dengan Al-Quran, Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan Daerah Tutong (PAKATAN) menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran PAKATAN 1447 Hijrah/2026 Masihi yang berlangsung di Masjid Kampung Keriam, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut ialah Yang Dipertua PAKATAN, Awang Haji Aminorashid bin Haji Ghazali.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis. Seterusnya

bacaan surah daripada 30 Ahli PAKATAN yang menyertai majlis berkenaan.

Kemudian majlis diikuti dengan bacaan Takhtim, Tahlil, Doa Khatam dan Doa Arwah serta Dikir Marhaban beramai-ramai. Majlis Khatam Al-Quran tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan PAKATAN bagi menyemai budaya membaca Al-Quran dalam kalangan ahli-ahlinya.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi mengamalkan ajaran-ajaran Al-Quran sebagai amalan harian untuk memohon keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang mulia ini, di samping mengeratkan lagi silaturahim para ahlinya.




## Perairan Brunei bebas daripada air kemerah-merahan

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perikanan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Februari. - Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei

Darussalam (NBD) telah giat melaksanakan pemantauan berterusan bagi mengetahui keadaan air kemerah-merahan di perairan NBD dengan kerjasama



**PIHAK** Jabatan Perikanan ingin memaklumkan bahawa perairan luar pesisir pantai dan persisiran pantai Brunei Muara, Tutong dan Belait adalah bebas daripada kejadian air kemerah-merahan. Walau bagaimanapun, air kemerah-merahan masih dikesan di kawasan perairan di antara Muara dan Tanjung Pelumpong pada tahap rendah dan terkawal.

agensi-agensi berkepentingan iaitu Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dan Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Hasil daripada pemantauan dan laporan analisis makmal terkini yang telah dijalankan pada 27 Februari 2026, Jabatan Perikanan telah mengesahkan perairan luar pesisir pantai dan persisiran pantai Brunei Muara, Tutong dan Belait adalah bebas daripada kejadian air kemerah-merahan.

Walaupun bagaimanapun, air kemerah-merahan masih dikesan di kawasan perairan di antara Muara dan Tanjung Pelumpong pada tahap rendah dan terkawal.

Dengan ini, larangan sementara ke atas penjualan dan memakan ikan-ikan kecil seperti aur-aur, tamban, basong-basong, pusu, kuasi, dan bubuk yang terjejas akibat kejadian air kemerah-merahan adalah ditarik balik.

Walaupun bagaimanapun, larangan bagi memakan semua jenis kerang-kerangan adalah dikekalkan.

Selain itu, orang awam dibenarkan untuk menggunakan air atau melakukan sebarang aktiviti rekreasi di kawasan pantai. Orang awam adalah dinasihatkan untuk melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air atau jika menjumpai ikan-ikan mati dalam jumlah yang banyak di kawasan perairan dan pantai-pantai NBD.

Jabatan Perikanan akan terus

melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap sebarang kejadian air kemerah-merahan serta menyalurkan maklumat rasmi mengenai perkembangan terkini dari semasa ke semasa bagi memastikan orang ramai sentiasa mendapat maklumat yang tepat, sahih dan terkini mengenai situasi kejadian air kemerah-merahan di negara ini.



## Usaha membentuk, pemerksaan rohani dalam kalangan masyarakat



**SESI** bergambar ramai dengan para peserta dan pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan program tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Februari. - Kumpulan Belia Masjid Ash-Shaliheen, baru-baru ini menganjurkan Program Induksi bertemakan 'F.O.R.G.E Forward : Future Of Rabbani Generation Empowered', sebuah program bersiri yang dirangka khas sebagai wadah pembentukan serta pengambilan Ahli Baharu Belia Masjid Ash-Shaliheen.

Program berlangsung di Dewan Serbaguna (Multipurpose Hall), Masjid Ash-Shaliheen ini bertujuan untuk mencari pelapis yang boleh memimpin sebuah organisasi, di samping memperkukuh penghayatan terhadap agama Islam.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Kumpulan Belia Masjid Ash-Shaliheen

Selain itu, ia juga berperanan menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam aktiviti-aktiviti bermanfaat, membentuk insan yang syumul serta meningkatkan usaha golongan belia dalam mengimarahkan masjid.

Seramai 25 peserta telah menyertai Program Induksi F.O.R.G.E Forward, terdiri daripada 13 peserta lelaki dan 12 peserta perempuan yang mewakili pelbagai lapisan umur serta latar belakang.

Antara pengisian program termasuk sesi pengenalan Belia Masjid Ash-Shaliheen, tazkirah

bertajuk 'Generasi Rabbani' yang disampaikan oleh Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yasin serta aktiviti suai kenal antara para peserta dan Ahli Jawatankuasa Belia Masjid.

Secara keseluruhannya, program ini menjadi platform penting dalam usaha pembentukan dan pemerksaan rohani dalam kalangan masyarakat Islam. Ia juga mendorong para peserta untuk tampil ke hadapan dalam berkongsi ilmu dan pengalaman secara lebih yakin dan berkesan.



**SUASANA** ketika program tersebut dijalankan (atas dan kiri).

## MPM SERASA ADAKAN MAJLIS MEMBACA YAA SIIN, TAHLIL

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 Mac. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa hari ini telah mengadakan Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Seramai 40 orang terdiri daripada ketua-ketua kampung di bawah Mukim Serasa, ahli jawatankuasa tertinggi, ketua biro, ahli Majlis Perundingan Kampung dan penduduk kampung Mukim Serasa diketuai oleh Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan menyertai majlis berkenaan.



**PENGHULU** Mukim Serasa hadir mengetuai rombongan seramai 40 orang pada majlis tahlil tersebut. Turut hadir, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih.

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Mukim Serasa**

Turut hadir, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah. Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil

dan Doa Arwah telah dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mat Jaya bin Haji Ibrahim.

## Jerayawara dedah pengetahuan asas mengenai ASEAN

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**  
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**TAKLIMAT** tersebut telah disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail (atas). Sementara gambar bawah, antara pelajar yang hadir pada jerayawara berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 Februari. - Dalam usaha berterusan untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN baru-baru ini.

Jerayawara Kenali ASEAN tersebut yang diadakan di Qa'ah A'mah Dewan Serbaguna, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanalk Bolkiah itu, turut dihadiri oleh Pengetua, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, kepada 138 pelajar Tahun 7 yang mana taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti

(One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Guru Kanan Kokurikulum sekolah berkenaan, Awang Haji Zaidi bin Mohidin.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan engan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.



## Suntik semangat patriotisme dalam kalangan pelajar

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**  
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**MERAGANG,** Sabtu, 28 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengendalikan Program Taklimat Kenegaraan di Pusat Tingkatan Enam Meragang.

Taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan dihadiri oleh 216 orang penuntut Pra U1. Turut hadir, Pengetua, Dayang Haryani binti Haji Mohammad dan para tenaga pengajar PTE Meragang.

Program ini antaranya bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan.

Selain itu, ia juga dihasratkan bagi mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif dalam



Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan,

Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah; masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.



**TAKLIMAT** berkenaan telah disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim (atas kanan). Manakala gambar kanan, sebahagian penuntut yang hadir pada program tersebut.

# سروا كرمي

## رمضان: بولن كبركتن، كامقونن دان رحمة

سسوڠكوهن رمضان يغ موليا اين اداله انوكره اكوغ درفد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى كقد كيت سلاكو همبا-همبان يغ ماسيه دفينجمنك نَفَس دان وقتو. اوليه ايت، جاغنه كيت منسيا-سياكن فلواغ كامسن اين كران كيت تيدق تاهو سام اد كيت اكن برفلواغ برغو رمضان لاکي قد تاهون هادفن.

براف راماي انسان يغ برسام كيت قد رمضان يغ لالو، كيني تله كمبالي كرحمة الله. مريك تيدق لاکي برکسمفن اوتوق مويجكن دوسا، مناده تاغن دالم دعاء اتاو سوجود مهادف الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. سدغن كيت، ماسيه لاکي دکورنياكن رواغ دان ماس اوتوق مراهه كامقونن، مغاوت فهلا دان فلواغ اوتوق مقربايكي ديرى.

أخيراً، سلاكي باوا ماسيه دكاندوغ بادن، ماريله كيت منفعتن رمضان اين دغن سبايك-بايكن. ايسيله هاري-هارين دغن عمل عبادت دان توبه يغ برسوڠكوه-سوڠكوه. جك كيت بنز-بنز مغيديوڠكن رمضان دغن ايمان دان مهادف فهلا، مك رمضان اكن منجادي سب تورونن رحمة دان فروهين قد ديرى؛ درفد لالاي كقد طاعة، درفد كاسر كقد لمبوت، درفد جاوه كقد دكت دغن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. موده-مودهن كيت تركولوغ دالم كالغن مريك يغ ديبسكن درفد ابي نراك دان دکورنياكن رحمة سرتا كامقونن اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمين يا رَبَّ العالمين.

دان سسياف يغ مهندي (كبهكيان هيلوف) أخيرة دان برأوسها (مفرجكن عمل كجاجين) اوتوق (توجوان) ايت دغن أوسها يغ برسوڠكوه-سوڠكوه سدغ اي برلمان مك مريك ايتوله يغ أوسها مريك دکورنياكن كنجارن يغ بايك (ديري فهلا). {سورة الإسراء آية: ١٩}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِمَا قُوَّزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَتَانَجَاةَ النَّاسِينَ.

يغ ترهالغ درفد كبايكنن، مك سسوڠكوهن دي تله ترهالغ درفد كبايكن يغ بايق.

حديث ترسبوت منجلسكن كاستيميوآن بولن رمضان سباكاي بولن يغ فنوه دغن كبركتن سرتا فلواغ اوتوق مفرأوليهي كامقونن دان رحمة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. سسوڠكوهن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تله مواجكن أومت اسلام برقواسا قد بولن رمضان دان دالم بولن يغ موليا اين، فينتو-فينتو شرك دبوكا. اينله تندا لواسن رحمة دان كاسيه سايع الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ترهادف همبا-همبان يغ برلمان.

مانا كلا فينتو-فينتو نراك فولا دتوتوف، مننداكن بتاف بسرن فلواغ كامقونن باكي مريك يغ بنز-بنز ايغن برتوبه. شيطان-شيطان فولا دبلغكو، ممري كمودهن كقد همبا-همبا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اوتوق مفرتيغكتن عمل صالح تنفا بايق كغكوان دان كودان. سلاين ايت، دالم بولن يغ موليا اين ترذافت ساتو مالم يغ ليه بايك درفد سريو بولن، يايت ليلة القدر. مالم اكوغ اين مروفاكن فلواغ كامسن اوتوق مراهه كامقونن سرتا كنجارن فهلا يغ برليفت كندا. اوليه ايت، كيت سباكاي أومت اسلام داخجوركن اوتوق مروت فلواغ يغ تيدق ترنلاي اين دغن مقربايكن عبادت، عمل كجاجين، مباح القرآن، قيام الليل دان بردعاء دغن فنوه كاخلاصن اكر دکورنياكن كامقونن سرتا رحمة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

جماعه يغ درحمي الله،

رمضان مروفاكن بولن يغ فنوه دغن رحمة دان كاسيه سايع الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. اي اداله بولن دمان فلواغ كامقونن دان قمبيسن دري ابي نراك دکورنياكن كقد همبا-همبا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يغ برسوڠكوه-سوڠكوه منجاري رضاءن. درفد جابر بن عبدالله رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: إِنَّ لِلَّهِ تَعَالَى عِنْدَ كُلِّ فِطْرٍ عِتْقَاءَ مِنَ النَّارِ، وَذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ. مقصودن: سسوڠكوهن الله ممليكي همبا-همبا يغ ديبسكن درفد نراك قد ستياف وقتو بروكا فواسا، دان يغ دمكين ايت برلاكو قد ستياف مالم (بولن رمضان). {حديث رواية ابن ماجه}

جماعه يغ درحمي الله، برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيغكتن كلمانن كقدن. سسوڠكوهن اورغ يغ فالينغ مليا ديسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يغ فالينغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغيغني الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

بولن رمضان اداله بولن يغ فنوه دغن كبركتن، كامقونن دان رحمة. رمضان بوكن سقدر مناهن لافر دان دهاك بهكن اي اداله ميدن تريبه اوتوق مويجكن هاتي، ملمبوتكن جيو دان مندييق ديرى اكر ليه دكت دغن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. اوليه ايت، ماريله كيت ميمبوت رمضان اين دغن هاتي يغ فنوه كانصافن سرتا ملقسناكن عبادت فواسا دغن فنوه كسوڠكوهن دان كاخلاصن.

سباكاي اورغ اسلام، كيت هندقله برعزم دغن برسوڠكوه-سوڠكوه اوتوق ملقسناكن كواجين برقواسا قد بولن رمضان اين دغن سبايك مويجكن. اين كران، جك قد بولن رمضان يغ لالو كيت مراساكن ماسيه ترذافت ككورغن، كلالاين اتاوفون كجوان دالم ملقسناكن عبادت فواسا، مك قد تاهون اين، ماريله كيت برتيكد اوتوق مقربايكن دغن منويكن عبادت فواسا دغن ليه سمقورنا دان ليه بايك درفد تاهون-تاهون سبلومن.

جماعه يغ درحمي الله،

رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تله منجلسكن دالم حديث بكيندا تنتغ كليبين دان كاستيميوآن بولن يغ فنوه كموليان اين. افكه كاستيميوآن يغ تركاندوغ دالم بولن رمضان؟ دالم سبواه حديث يغ دروايتكن اوليه امام أحمد، درفد أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا يغ برمقصود: تله داتغ كقد كامو رمضان، بولن يغ فنوه كبركتن. الله مواجكن كاتس كامو برقواسا. فينتو-فينتو شرك دبوكا، فينتو-فينتو نراك دتوتوف، دان شيطان-شيطان دبلغكو. داملن ترذافت ساتو مالم يغ ليه بايك درفد سريو بولن. بارغ سياف

# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَفَرَّجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَيْهِ وَصْحَبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN ADAT  
ISTIADAT NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**
**Notis Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
JAIN / 5 / 1981 / PT.16 – (2026)  
Kerja-Kerja Pembersihan Selama  
36 Bulan Bagi Bangunan Jabatan  
Adat Istiadat Negara Dan  
Bangunan-Bangunan  
Di Bawah Kawalan Jabatan Adat  
Istiadat Negara, Negara Brunei  
Darussalam.

**Tarikh / Jam Tutup:**  
Selasa  
10 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari

**Tempat Menghantar Tawaran:**  
Peti Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Jalan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan BB3913,  
Negara Brunei Darussalam.


**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI**
**Bilangan dan Tajuk  
Sebut Harga:**

MFA / SEC / 004 / 2026  
Rental One (1) Unit X-Ray  
Baggage Scanner, One (1) Unit  
Walkthrough Metal Detector and  
One (1) Unit Handheld Metal  
Detector For The Asean-Eu  
Ministerial Meeting 2026 At  
International Convention Centre,  
Berakas

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**

Rabu,  
4 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari


**JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**
**Bilangan dan Tajuk  
Sebut Harga :**

JKED / TAWARAN / UPA /  
BHEK / Q / 2026-02  
Perkhidmatan Pembersihan Bagi  
Pejabat Marin Dan Pencegah  
Muara, Jabatan Kastam Dan  
Eksais Diraja, Kementerian  
Kewangan Dan Ekonomi,  
Negara Brunei Darussalam  
Secara Berkontrak Bagi Tempoh  
Satu (1) Tahun

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**

Selasa,  
31 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang


**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**
**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**

001 / HQ / 2025-M (Lelong)  
Jualan Lelong Bagi Alat  
Menangkap Ikan Di Ibu Pejabat  
Polis Marin, Muara

**Keterangan Harta Benda:**  
Jaul (menggunakan joran) tidak  
ada batu pemberat

**Jumlah:**  
5 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND100.00

**Keterangan Harta Benda:**  
Jaul (menggunakan kirikan saiz  
besar) **berserta 7-unit batu  
pemberat saiz besar**

**Jumlah:**  
7 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 87.50

**Keterangan Harta Benda:**  
Rod Batang Joran sahaja

**Jumlah:**  
1 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 7.50

**Keterangan Harta Benda:**  
Batu Pemberat (Besar)

**Jumlah:**  
14 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 10.50

**Keterangan Harta Benda:**  
Batu Pemberat (Sederhana)

**Jumlah:**  
25 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND9.40

**Keterangan Harta Benda:**  
Kerikan Kosong (Besar)

**Jumlah:**  
6 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 5.00

**Keterangan Harta Benda:**  
Anjun umpan tiruan jenis biasa

**Jumlah:**  
5 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND1.25

**Keterangan Harta Benda:**  
Jigging (Umpan tiruan) Beraneka  
corak dan bentuk

**Jumlah:**  
40 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND100.00

**Keterangan Harta Benda:**  
Cool box saiz besar warna oren

**Jumlah:**  
1 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 25.00

**Keterangan Harta Benda:**  
Perambut jenis steel

**Jumlah:**  
1 Roll

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 1.25

**Keterangan Harta Benda:**  
Perambut jenis tangsi

**Jumlah:**  
10 Roll

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 7.50

**Keterangan Harta Benda:**  
Siut Ikan 2 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 4.00

**Keterangan Harta Benda:**  
Tool box alat pancing  
saiz besar

**Jumlah:**  
1 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 7.50

**Keterangan Harta Benda:**  
Tool box alat pancing saiz  
sederhana

**Jumlah:**  
2 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 5.00

**Keterangan Harta Benda:**  
GPS Garmin (Model: GPS 73)

**Jumlah:**  
1 Unit

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 50.00

**Keterangan Harta Benda:**  
Mata Kail saiz besar

**Jumlah:**  
2 Kotak

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 5.00

**Keterangan Harta Benda:**  
Mata Kail saiz sederhana

**Jumlah:**  
3 Kotak

**Harga Indikasi Permulaan:**  
BND 6.00

**Keterangan Harta Benda:**  
Anjun umpan tiruan berbagai jenis

**Jumlah:**  
21 Kotak

**Harga Indikasi  
Permulaan:**  
BND 10.50

**Caj Borang:**  
BND2.00

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
11 Mac 2026  
Jam 10.00 Pagi


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**Iklan Tarkh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam**

**Kelas:**  
II & III Sahaja

**Kategori:**  
B01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
Selasa,  
10 Februari 2026

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
3 Mac 2026  
Tidak Lewat Dari Jam 12.00  
Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 005 / 2026

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Bagi  
Barek JKR No. 247  
di Jalan Raja Isteri, Seria

**No. Projek:**  
2025ADKB / JPE-001

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-


**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**
**Tajuk Tawaran:**

Flight Calibration for Air  
Navigation Facilities  
ATELS / 2026 / LTK-01

**Tarikh Iklan / Mengambil  
Dokumen Tawaran:**

16 Februari 2026,  
Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**

9 Mac 2026,  
Isnin

**Tarikh Tutup Tawaran:**

10 Mac 2026,  
Selasa

**Kepada:**

Pengerusi Lembaga  
Tawaran Kecil  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Jalan Menteri Besar  
Bandar Seri Begawan BB3910  
Negara Brunei Darussalam


**Bilangan Sebut Harga:**

AVSEC / 2026 – 2027 / SH-03  
Satu [01] Tahun Perkhidmatan  
Pengawasan Keselamatan  
Bangunan-Bangunan  
dan Premis-Premis  
Jabatan Penerbangan Awam

**Bilangan Sebut Harga:**

AVSEC / 2026 – 2027 / SH-04  
Satu [01] Tahun Perkhidmatan  
Pengawasan Keselamatan Aset /  
Bangunan Jabatan Penerbangan  
Awam Di Kawasan Tapak  
Terpencil  
(Remote Site)

**Bilangan Sebut Harga:**

AVSEC / 2026 – 2027 / SH-05  
Satu [01] Tahun  
Perkhidmatan Pengawasan  
Keselamatan Operasi-Operasi  
Lapangan Terbang  
Antarabangsa Brunei

**Tarikh Tutup:**

Rabu, 4 Mac 2026  
(Sebelum jam 2.00 petang)





**UNIVERSITI ISLAM  
SULTAN SHARIF ALI**

**Penerbitan Iklan Universiti  
Islam Sultan Sharif Ali**

**UNISSA / SB0063 / 2025 / 2026**  
To Supply, Delivery, Testing And  
Warranty Of Multimedia Notebook  
For Pusat Teknologi & Multimedia  
(PTM) Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0064 / 2025 / 2026**  
To Supply, Install, Configuration  
And Training Door Access System  
RFID For Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0065 / 2025 / 2026**  
To Supply, Deliver, And Install  
Outdoor Wireless Extender For  
Aquaculture House Enterprise,  
Al Kindi Bungalow Universiti Islam  
Sultan Sharif Ali (UNISSA)  
Sinaut Campus

**UNISSA / SB0067 / 2025 / 2026**  
To Supply And Install New SPC  
Flooring For Hostel Multi-Purpose  
Hall At Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0068 / 2025 / 2026**  
Supply And Delivery Of  
Laboratory Loose Furniture For  
Scientific Ibnu Sina Laboratory  
Centre At Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali (UNISSA)  
Sinaut Campus

**UNISSA / SB0069 / 2025 / 2026**  
To Supply And Deliver Of  
Conference Chairs For Senate  
Room, Administration Meeting  
Room And L1.2 Meeting Room  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
(UNISSA) Gadong Campus

**UNISSA / SB0070 / 2025 / 2026**  
To Supply, Deliver & Install Mini  
Greenhouse For Universiti Islam  
Sultan Sharif Ali (UNISSA)  
Research Project Titled "Improving  
Soil Quality, Paddy Yield And  
Paddy Farmers Profit Using  
Organic Conditioners From  
Chicken Dung"

**UNISSA / SB0071 / 2025 / 2026**  
One (1) Year Renewal And  
Support Services For Firewall  
Fortigate FG-601E Universiti Islam  
Sultan Sharif Ali (UNISSA)  
Gadong Campus

**UNISSA / SB0072 / 2025 / 2026**  
To Supply, Deliver, Support And  
Training For License Canvas  
Learning Management System  
(LMS) Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali (UNISSA)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
11 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari

**UNISSA / LTK /  
RKN-LIBRARY / 2026:**  
The Design, Development, Supply,  
Delivery, Installation, Testing,  
Commissioning And Maintenance  
Of Project UNISSA Smart Library,  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
(UNISSA)

**Tarikh Tutup:**  
14 April 2026 (Selasa)



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN  
HAL EHWAL UGAMA**

**Tawaran Perkhidmatan Kantin  
Bagi Sekolah-Sekolah Ugama  
Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**Daerah Brunei Dan Muara**

**Bilangan Tawaran dan Nama  
Sekolah Ugama:**  
KHEU / JPI / KANTIN / 13 / 06  
Sekolah Ugama Pengiran Anak  
Puteri Muta-Wakillah Hayatul  
Bolkiah, Kampong Serusop,  
Kawasan Brunei II A

**Bilangan Tawaran dan Nama  
Sekolah Ugama:**  
KHEU / JPI / KANTIN / 23 / 06  
Sekolah Ugama Pengiran Muda  
Abdul Malik, Kampong  
Bengkurong, Kawasan Brunei IV

**Bilangan Tawaran dan Nama  
Sekolah Ugama:**  
KHEU / JPI / KANTIN / 26 / 06  
Sekolah Ugama Pengiran Anak  
Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam,  
Kampong Mulaut,  
Kawasan Brunei IV

**Daerah Tutong**

**Bilangan Tawaran dan Nama  
Sekolah Ugama:**  
KHEU / JPI / KANTIN / 35 / 06  
Sekolah Ugama Tempuan Telisai,  
Tutong II

**Bilangan Tawaran dan Nama  
Sekolah Ugama:**  
KHEU / JPI / KANTIN / 38 / 06  
Sekolah Ugama Pengiran Anak  
Puteri Norain, Tutong I

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu, 28 Ramadan 1447H /  
18 Mac 2026M  
sebelum jam 12.00 Tengah Hari



**Penerbitan Iklan Universiti  
Islam Sultan Sharif Ali**

**UNISSA / SB0066 / 2025 / 2026**  
Perkhidmatan Membekal  
Dan Menghantar Jamuan Bagi  
Mesyuarat, Lawatan Majlis  
Dan Acara Anjuran Universiti  
Islam Sultan Sharif Ali  
(UNISSA)  
Secara Berkontrak  
Bagi Tempoh  
Satu (01) Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
11 Mac 2026  
Jam 12.00  
Tengah Hari



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan  
E-Kerajaan,  
Kementerian Pengangkutan  
Dan Infokomunikasi**

**Bilangan Dan  
Tajuk Tawaran:**  
EGNC / PM / 4.1 / 9.2025  
EGNC Loadmaster LM-X25  
License Renewal &  
Maintenance for 3 Years  
(2026-2029),  
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan  
(EGNC),  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
(MTIC)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
17 Mac 2026



**KEMENTERIAN  
PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 /  
ITAU / LB / TA / 01  
Perkhidmatan Pembuatan Facade  
Bagi Acara Yang Akan  
Dianjurkan Oleh Angkatan  
Bersenjata Diraja Brunei  
(ABDB)  
Tahun 2026

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)  
Tarikh terakhir bagi  
pembelian Borang Tawaran  
adalah pada  
Selasa, 3 Mac 2026

**Tarikh  
Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
10 Mac 2026  
12.00 Tengah Hari



**Pemberitahuan Tawaran  
Kementerian Pertahanan**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU  
/ NV / TA / 01  
Pembelian Foam Fenders Bagi  
Jeti Alpha Dan Jeti Bravo Tentera  
Laut Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi  
pembelian Borang Tawaran  
adalah seminggu sebelum  
tarikh tutup tawaran, iaitu  
**Selasa, 17 Mac 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 7 April 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:-**  
JPM / JKDN / UKDS /  
25-26 - SBH#16  
Projek Sekali sahaja bagi  
penggantian panel kaca dengan  
dinding batu-bata, Pemasangan  
tingkap kaca aluminium di  
kawasan tangga di blok 16 & 17  
dan kerja-kerja pembaikan  
retak tangga dalaman serta jubin  
lantai di Blok 17, Simpang 32-15,  
Kampung Anggerek Desa,  
Jalan Anggerek Desa,  
Mukim Berakas A, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
18 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari

**Yuran Tawaran:**  
Percuma



**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
33 / BBS / SH / 2025 - 2026

**Keterangan Projek:**  
Supply, Delivery  
And Installation Of  
New Signboard For  
Pasarneka Seria,  
Jalan Lorong Tiga Selatan,  
Seria

Dibukakan kepada  
pemborong-pemborong  
yang berdaftar  
dengan Kementerian  
Pembangunan Negara  
Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Non-Refundable)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
10 Mac 2026





## KEMENTERIAN KESIHATAN

<p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 01 / 2026 / PHARM</p> <p><b>Keterangan:</b> The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 100.00</p>	<p><b>Keterangan:</b> The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health</p> <p><b>Kelayakan Pemborong / Pembekal :</b> Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan</p> <p><b>Kelas / Kategori:</b> <b>Kelas :</b> III dan ke atas <b>Kategori:</b> S02 and must have certificate for cleaning service for high rise building</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 10.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 04 / 2026 / PHARM</p> <p><b>Keterangan:</b> The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of</p>	<p>Pharmaceutical Services Ministry Of Health</p> <p><b>Kelayakan Pemborong / Pembekal:</b> Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan hanya syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan penyelenggaraan untuk kolam renang</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 50.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 03 / 2026 / ESTETMOH</p> <p><b>Keterangan:</b> To Provide One-Off Serviced Specialise Cleaning Services For High-Rise Building At Ministry Of Health Complex</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 30.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 04 / 2026 / ESTETMOH(TC)</p>	<p><b>Keterangan:</b> Provision Of Maintenance Services For Swimming Pool At Health Promotion Centre Under The Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 10.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 05 / 2026 / JPK(TC)</p> <p><b>Keterangan:</b> The Provision Of Cleaning Services And Grass Cutting Services For The Following Health Centres For A Period Of Three (3) Years:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengkalan Batu Health Centre</li> <li>2. Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPHRSB) Sungai Asam Health Centre</li> <li>3. Kampung Bolkiah 'B' Health Clinic</li> <li>4. Kampung Sungai Bunga Health Clinic</li> </ol> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 50.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 06 / 2026 / LAB (TC)</p>	<p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 500.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 10 / 2026 / UPP(TC)</p> <p><b>Keterangan:</b> Supply And Delivery Of Medical Consumables For Obstetrics And Gynaecology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 10.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 11 / 2026 / JPK (TC)</p> <p><b>Keterangan:</b> The Management And Operation Of Berakas Health Centre Cafeteria, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 10.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 12 / 2026 / JPK (TC)</p> <p><b>Keterangan:</b> The Management And Operation Of Pengiran Anak Puteri Hajah Mutawakkilah Hayatul Bolkiah Health Centre Cafeteria, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 10.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 13 / 2026 / JPR (TC)</p> <p><b>Keterangan:</b> Supply And Delivery Of Diasafe Ultrapure Filters For The Use Of Fresenius, Model 4008 Series Hemodialysis Machine For Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 30.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 08 / 2026 / SSBH</p> <p><b>Keterangan:</b> The Provision Of Providing Manpower For Central Sterile Service Department Of Suri Seri Begawan Hospital For A Period Of Six (6) Months</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 10.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 09 / 2026 / HTD</p> <p><b>Keterangan:</b> Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Bedside Multiparameter Monitors For Ministry Of Health</p>
--	--	---	--	---



## KEMENTERIAN KESIHATAN

<p><b>Pemberitahuan Tawaran Negara Brunei Darussalam</b></p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> DRG / 45 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND10.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> DRG / 46 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND30.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> DRG / 47 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND30.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> DRG / 48 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND500.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> DRG / 49 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND50.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> DRG / 50 / 2026 / PHARM (TC)</p>	<p>Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND30.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> DRG / 51 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND10.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> DRG / 52 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 50.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> DRG / 53 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND100.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> VAK / 01 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND100.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> REN / 01 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p>	<p><b>Yuran Tawaran:</b> BND30.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> REN / 02 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND500.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> REN / 03 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND30.00</p> <p><b>Bilangan dan Tajuk Tawaran:</b> REN / 04 / 2026 / PHARM (TC) Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND30.00</p> <p><b>Tarikh Tutup:</b> Selasa, 3 Mac 2026 Jam 12.00 Tengah Hari</p>	<p><b>Keterangan:</b> To Supply And Deliver Laboratory Consumables &amp; Reagents For National Histology And Cytology Laboratory &amp; Mortuary Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 30.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 07 / 2026 / SSBH</p> <p><b>Keterangan:</b> The Provision Of Providing Manpower For Central Sterile Service Department Of Suri Seri Begawan Hospital For A Period Of Six (6) Months</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 10.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 08 / 2026 / SSBH</p> <p><b>Keterangan:</b> Kerja-Kerja Penambahan Letak Kereta Kawasan Berdekatan Blok L Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 30.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 09 / 2026 / HTD</p> <p><b>Keterangan:</b> Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Bedside Multiparameter Monitors For Ministry Of Health</p>	<p><b>Keterangan:</b> The Management And Operation Of Pengiran Anak Puteri Hajah Mutawakkilah Hayatul Bolkiah Health Centre Cafeteria, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 10.00</p> <p><b>Bilangan Tawaran:</b> KK / 13 / 2026 / JPR (TC)</p> <p><b>Keterangan:</b> Supply And Delivery Of Diasafe Ultrapure Filters For The Use Of Fresenius, Model 4008 Series Hemodialysis Machine For Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years</p> <p><b>Yuran Tawaran:</b> BND 30.00</p> <p><b>Tarikh Tutup Tawaran:</b> Tidak lewat Jam 12.00 Tengah Hari, 3 Mac 2026</p>
--	--	---	--	--



# AMALAN BERTADARUS BANTU MENINGKATKAN MUTU BACAAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 Mac. - Jawatankuasa Wanita Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) dengan sokongan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PGGMB hari ini meneruskan Majlis Tadarus Juzuk 10 sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Dewan PGGMB, di ibu negara.

Hadir menyertai majlis berkenaan, isteri Timbalan Yang Dipertua PGGMB, Dayang Hajah Noriah binti Haji Mohd. Daud,

selaku tetamu kehormat majlis. Juga hadir, Naib Yang Dipertua I, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat, juga mantan Timbalan Yang Dipertua PGGMB; ahli-ahli Lembaga Tadbir MWNBD, ahli-ahli persatuan di bawah MWNBD serta ahli-ahli Wanita PGGMB.

Kira-kira 100 ahli daripada 13 persatuan di bawah MWNBD menyertai majlis berkenaan.



KIRA-kira seramai 100 ahli daripada 13 persatuan di bawah Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam hadir menyertai majlis tadarus berkenaan (atas dan atas kiri).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan ramai Sayyidul Istighfar, Selawat Tafriyyah dan doa memulakan bacaan Al-Quran.

Kemudian, bacaan Tadarus Juzuk 10 daripada ahli-ahli

persatuan di bawah MWNBD.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD yang dipimpin oleh Dayang Hajah Jusnani binti Awang Taha.

Terdahulu, Pengarah Wanita PGGMB, Pengiran Hajah Rakhiah binti Pengiran Haji Abu Bakar, dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, pembacaan Al-Quran dalam bulan Ramadan sering dikaitkan dengan amalan bertadarus, iaitu cara pembacaan yang sangat digalakkan bagi meningkatkan mutu bacaan masing-masing

terutama dari segi mempelajari, memperbaiki dan memantapkan sebutan makhras huruf dan ilmu tajwid.

Antara lain aktiviti Tadarus berkenaan membuka peluang kepada para ahli persatuan mengisi masa bulan Ramadan dengan pembacaan Al-Quran demi meningkatkan mutu bacaan di samping meraih keberkatan dan limpahan pahala yang berlipat ganda pada bulan mulia ini serta seterusnya memupuk ukhuwah Islamiah semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua.

## Melahirkan generasi belia berilmu, berakhlak mulia



KUMPULAN Belia 'IbadurRahman Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) telah mengunyahkan ceramah motivasi bertajuk 'Break Your Limits: Puasa Bukan Sekadar Tahan Lapar', bertempat di Dewan Al-Mau'izah, MHBPT (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

**TUTONG,** Ahad, 1 Mac. - Ibadah puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, malah ia merupakan madrasah jiwa yang mendidik kesabaran, mengawal nafsu serta mempererat hubungan hamba dengan Penciptanya.

Oleh yang demikian, sebagai salah satu matlamat tulus untuk sama-sama membuka minda peserta agar menghayati hikmah puasa daripada perspektif yang

lebih mendalam, Kumpulan Belia 'IbadurRahman Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) telah mengunyahkan ceramah motivasi bertajuk 'Break Your Limits : Puasa Bukan Sekadar Tahan Lapar', bertempat di Dewan Al-Mau'izah, MHBPT, petang tadi.

Ceramah motivasi yang merupakan kesinambungan daripada fasa pertama, iaitu Program Legasi Belia

'IbadurRahman : Induction Day (Recruitment) berkenaan telah disampaikan oleh Penolong Pendaftar, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin.

Sebagai fasa kedua, program berkenaan dirangka khas untuk memperkukuh kefahaman rohani, disiplin diri, serta kesedaran terhadap hikmah ibadah puasa sebagai wasilah pembinaan iman dan akhlak.

Usaha berkenaan selari dengan hasrat untuk terus melahirkan generasi belia yang berilmu, berakhlak mulia serta berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Seramai 90 orang terdiri daripada golongan belia dan beliawanis Daerah Tutong telah menghadiri ceramah motivasi berkenaan.

Sejurus penyampaian ceramah motivasi, para peserta turut berpeluang untuk mengikuti sesi soal jawab bersama penceramah, diikuti dengan sesi penyerahan cenderamata.

Melalui pelaksanaan program berkenaan, ia juga diharap agar para peserta dapat memanfaatkan ilmu dan pengisian yang disampaikan sebagai bekal untuk memperbaiki diri, memperkukuh iman serta menjadi agen perubahan positif dalam masyarakat.



## Program Jalinan Kasih RTB santuni anak yatim



SESI bergambar ramai pada Majlis Iftar Menyantuni Anak Yatim, Program Jalinan Kasih RTB 2026 di Kampung Panchor Dulit, Daerah Tutong.

Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

**TUTONG,** Ahad, 1 Mac. - Seramai 18 orang anak yatim telah diraikan dalam Majlis Iftar Menyantuni Anak Yatim melalui Program Jalinan Kasih RTB 2026 yang berlangsung di Kampung Panchor Dulit, Daerah Tutong, baru-baru ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah diteruskan dengan penyampaian sumbangan dan terbuka puasa.

Dalam majlis tersebut, para penerima turut menerima sumbangan serta diraikan dengan jamuan berbuka puasa oleh Nurshahnizam Restaurant, manakala sumbangan barangan keperluan harian pula disediakan oleh Fayze Mart Tutong.

Majlis tersebut bertujuan untuk berkongsi kegembiraan serta meringankan beban golongan yang memerlukan, khususnya anak-anak yatim di daerah ini sempena bulan suci Ramadan.

Program berkenaan merupakan usaha berterusan Radio Televisyen Brunei (RTB) dalam menyemai nilai keprihatinan dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara agensi, penaja dan komuniti setempat.

Sumbangan yang dihulurkan ini diharap dapat meringankan beban anak-anak yatim, di samping memberi keceriaan di wajah mereka dalam menyambut dan mengimarahkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

# PERMUZAKARAHAN KETENGAHKAN PENCAPAIAN KATA SEPAKAT, BUAH FIKIRAN



PERMUZAKARAHAN dalam Mesyuarat Rasmi bagi MKM Serasa kali Ke-3 telah berlangsung di kediaman Penghulu Mukim Serasa (atas dan kanan).

■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**SERASA**, Sabtu, 28 Februari. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Tertinggi, AJK Biro Majlis Perundingan Mukim (MKM) Serasa telah mengadakan permuzakarah dalam Mesyuarat Rasmi bagi MKM berkenaan kali yang ke-3 berlangsung di kediaman Penghulu Mukim Serasa, di sini.

Mesyuarat didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin Ketua Biro Keselamatan,

Awang Haji Majid bin Haji Awang Damit, diikuti dengan ucapan Penghulu mukim berkenaan, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan selaku Pengerusi yang antara lain melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli yang datang dan mengharapkan kesepakatan yang baik hasil daripada permesyuaratan tersebut.

Setiasaha MPM, Awang



Muhamad Ali Hassan seterusnya membentangkan beberapa agenda mesyuarat antara lainnya penerangan mengenai kertas kerja acara-acara seperti Sambutan Hari Raya Aidilfitri MKM dan penganjuran Pertandingan Memasak yang dirancang untuk diadakan nanti.

Dalam sesi muzakarah itu juga membincangkan mengenai 1 Kampung 1 Produk (1K1P) yang dihasilkan oleh para penduduk

kampung di bawah mukim berkenaan.

Beberapa produk dikenal pasti yang berpotensi bagi 1K1P antaranya kerepek pisang, maruku dan juga biskut berasaskan daripada ambulong dan dari itu, para ahli membincangkan dari segi proses pembuatan, pembungkusan dan seterusnya strategi pemasaran produk berkenaan yang diharap mampu untuk menjana ekonomi para

penduduk dan juga memajukan nama kampung dan mukim itu.

Adanya mesyuarat ini diharap akan memudahkan lagi ke arah mencapai kata sepakat dan buah fikiran yang bagus dalam menghasilkan semangat kerjasama dan memupuk perpaduan kalangan ahli dan seterusnya menghebahkan maklumat terkini kepada anak buah kampung.

## Zahir penghargaan melalui Doa Kesyukuran



MAJLIS berkenaan diselenggarakan dengan penyampaian baju MPK baharu kepada seramai 25 ahli, disempurnakan oleh Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, yang juga selaku Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Panchor, Mengkubau

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Februari. - Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) merupakan penggerak utama bagi sesebuah kampung dan antara tulang belakang ketua kampung dalam menjayakan apa jua projek

dan aktiviti-aktiviti kampung.

Justeru, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad yang juga selaku Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau

menzahirkan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama ahli-ahli di bawah tadahannya iaitu MPK Berserumpun Kawasan 4 dengan meraikan pada Majlis Doa Kesyukuran dan Bersungklai bersama di salah satu reruai peniaga gerai Ramadan MPK berkenaan iaitu Awang Roslee bin Haji Metali.

Awang Faidil Rosemady yang juga selaku Pengerusi MPK berkata bahawa majlis pada baru-baru ini diselenggarakan dengan penyampaian baju MPK baharu sebagai pemangkin semangat kepada seramai 25 ahli atas pengorbanan masa, tenaga dan sebagainya dalam sama-sama mengukayahkan apa jua aktiviti dan program berikutan kerja sukarelawan mereka tanpa mengharapkan sebarang bayaran.

"Sepanjang dua tahun ini mereka tetap berdiri di belakang saya dengan melalui pembahagian tugas dan peranan masing-masing demi mencapai kemaslahatan kemajuan kampung," katanya.

Tambahnya, lantikan ahli-ahli MPK mereka itu adalah selama lima tahun dan meskipun sekarang baru dua tahun penglibatan mereka, pihaknya juga merancang beberapa perancangan bagi masa akan datang juga nanti.

Adapun ciri baju baharu MPK itu menegenahkan tema '3B' (Berserumpun, Bersepakat membawa Berkat) dengan konsep moden yang dicipta oleh salah seorang Ahli MPK, Awang Rozaimi bin Haji Lamit.

Sehubungan itu, para penduduk kampung yang ingin untuk menjadi sukarelawan bagi ahli MPK juga sangat dialu-alukan demi sama-sama ke arah menjayakan lagi apa jua jenis aktiviti yang diselenggarakan oleh pihak MPK kerana kejayaan sesebuah kampung itu juga hasil daripada kerjasama dan peranan serta tanggungjawab setiap penduduk itu sendiri.

MAJLIS Doa Kesyukuran dan Bersungklai bersama tersebut diadakan di salah satu reruai peniaga gerai Ramadan MPK Berserumpun Kawasan 4.

## 10 anak yatim terima sumbangan derma



KETUA Kampung Kawasan 2 RPN Panchor, Mentiri, hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada para penerima (atas dan bawah).

■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**MUKIM MENTIRI**, Sabtu, 28 Februari. - Aktiviti-aktiviti bercorak keagamaan terus giat diukayahkan oleh pelbagai pihak di negara ini bagi menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mentiri, baru-baru ini, mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah diselenggarakan dengan Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim.

Penyampaian sumbangan derma kepada 10 orang anak yatim dari Kawasan 2 RPN Panchor Mentiri itu disempurnakan oleh Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor, Mentiri, Haji Awang Mohammad Eddie Hardey bin Haji Ibrahim.

Majlis diteruskan dengan bergambar ramai bersama anak-anak yatim dan kemudiannya acara terbuka puasa.

Adapun majlis sedemikian merupakan aktiviti tahunan bagi kampung berkenaan di bulan Ramadan selain mengharapkan ganjaran berlipat ganda dan meringankan beban anak-anak yatim terutama untuk berbelanja dan keperluan di Aidilfitri nanti.



# PUPUK PENGHAYATAN RAMADAN, PERKUKUH SILATURAHIM

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah



AKTIVITI tadarus Al-Quran anjuran Pusat Da'wah Islamiah telah diadakan di Rumah Kelas Bimbingan Muallaf, Kampung Batang Mitus, Daerah Tutong, di mana ia bertujuan untuk menggalakkan para muallaf agar sama-sama mengimarahkan masjid, surau, balai ibadat, pos dakwah serta rumah kegiatan agama di kawasan masing-masing (atas, bawah dan kanan).



**TUTONG**, Sabtu, 28 Februari. - Di bulan Ramadan yang mubarak ini, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama terus mempergiat usaha dakwah kepada para muallaf di Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya dengan mengajak serta membimbing mereka dalam melaksanakan ibadah melalui aktiviti-aktiviti keagamaan seperti membaca Al-Quran serta menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir Berjemaah.

Sehubungan itu, rombongan PDI yang terdiri daripada warga Bahagian Penyebaran Da'wah dan Bahagian Media petang tadi mengadakan kunjungan serta meneruskan aktiviti tadarus Al-Quran di Rumah Kelas Bimbingan Muallaf, Kampung Batang Mitus, Daerah Tutong.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Pemangku Pegawai Ugama Kanan, PDI, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan tadarus Al-Quran dan disusuli dengan Doa Peliharakan Sultan dan NBD.

Majlis diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir Berjemaah.

Kunjungan dan tadarus Al-Quran bersama para muallaf ini bertujuan untuk menggalakkan



**BDMD**  
Brunei Darussalam  
Meteorological  
Department





## ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

 bruneiweather
  @brunei.weather
  Weather Line 114
  www.met.gov.bn



mereka agar sama-sama mengimarahkan masjid, surau, balai ibadat, pos dakwah serta rumah kegiatan agama di kawasan masing-masing.

Selain itu, ia juga memupuk penghayatan terhadap kelebihan bulan Ramadan dengan

memperbanyakkan aktiviti keagamaan seperti membaca Al-Quran, berzikir dan mendengar tazkirah.

Di samping itu, program seumpama ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara warga PDI dan para muallaf.

# Imbangan perdagangan catat lebih bagi tahun 2025

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Februari. - Bagi tahun 2025, jumlah perdagangan mencatatkan sebanyak BND21,880.2 juta, merangkumi eksport bernilai BND13,468.5 juta dan import berjumlah BND8,411.7 juta, menghasilkan imbangan perdagangan lebih sebanyak BND5,056.8 juta.

Penyumbang utama kepada nilai

eksport adalah Bahan Api Galian sebanyak 74.9 peratus, diikuti oleh Bahan Kimia sebanyak 22.2 peratus dan Barang-barang Keluaran Kilang sebanyak 0.5 peratus.

Manakala, bagi import, penyumbang utama adalah Bahan Api Galian sebanyak 65.8 peratus, diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan sebanyak 10.4 peratus, dan

Makanan sebanyak 8.1 peratus.

Jumlah perdagangan pada bulan Disember 2025 berjumlah BND2,147.1 juta, merangkumi eksport bernilai BND1,142 juta dan import berjumlah BND1,005.1 juta, sekali gus menghasilkan imbangan perdagangan lebih sebanyak BND136.9 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah Bahan Api Galian sebanyak 72.7 peratus, diikuti oleh Bahan Kimia sebanyak 22.2 peratus, dan Bahan-bahan Mentah Tidak Boleh Dimakan sebanyak 0.2 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 26.5 peratus, diikuti oleh Republik Rakyat China dan Singapura, masing-masing sebanyak 13.7 peratus dan 13.4 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah Bahan Api Galian dan Bahan Kimia.

Manakala bagi import pula, penyumbang utama adalah Bahan Api Galian sebanyak 65.8 peratus, diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan sebanyak 9.7 peratus, dan Makanan sebanyak 7.3 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 55.1 peratus, diikuti oleh Emiriah Arab Bersatu sebanyak 9.5 peratus, dan Kazakhstan sebanyak 9.1 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah Bahan Api Galian dan Makanan.

Import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan





Website: [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)  
Email: [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)  
Instagram: @statistics.jpes



جياتن فرانچن ايكونومي دان ستاتستيك  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM

## PERANGKAIAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA TAHUNAN 2025

BND Juta



untuk pemprosesan Barangan Perantaraan sebanyak 57.2 peratus, diikuti oleh Barangan Modal bagi operasi perniagaan sebanyak 39.3 peratus, dan Barangan Penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 3.5

peratus. Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi bulan Disember dan Tahunan 2025 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.



## Hayati peristiwa Nuzul Al-Quran, rebut ganjaran membacanya sepanjang Ramadan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**A**L-QURAN adalah mukjizat terbesar yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk menjadi ikutan kepada umat Islam dan yang telah merubah peradaban umat manusia daripada kesesatan menuju kebenaran dan kebahagiaan dunia serta akhirat.

Ia mengarahkan manusia supaya membaca atau belajar dan mencari ilmu untuk mendekatkan diri kepada Tuhan dan demi kesejahteraan hidup.

Peristiwa Nuzul Al-Quran bukan hanya sekadar sejarah, tetapi juga suatu peringatan kepada umat Islam untuk menghayati serta mempraktikkan ajaran kitab suci dalam kehidupan seharian.

Peristiwa ini amat besar maknanya kerana memperingati turunnya wahyu pertama daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan hidup bagi seluruh umat manusia.

### Erti Nuzul Al-Quran

Secara istilah, Nuzul Al-Quran bererti peristiwa turunnya Al-Quran secara beransur-ansur kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam oleh Malaikat Jibril Alaihissalam sesuai dengan keadaan dan peristiwa dalam jangka waktu kurang lebih 23 tahun.

Ini sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185 yang tafsirnya :

"Bulan Ramadan yang di dalamnya

diturunkan (permulaan) Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan mengenai petunjuk itu serta pembeda (antara yang hak dengan batil)".

Selain perlu diingat sebagai peristiwa yang menjadi petanda diangkatnya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Rasul, umat Islam perlu memperingati Nuzul Al-Quran sebagai turunnya rahmat dan petunjuk yang mengatur kehidupan mereka.

Wahyu pertama diterima Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu 'Iqra' (Bacalah), yang menjadi peristiwa penting dalam Nuzul Al-Quran, menjadi titik permulaan sebuah era berasaskan ilmu. Ia juga menjadi panduan dalam mengangkat martabat insan dengan nilai keadilan dan ihsan.

Alhamdulillah di hari yang penuh keberkatan ini, kita diberikan kesempatan untuk bersama-sama memperingati peristiwa penting Nuzul Al-Quran tatkala wahyu pertama diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Gua Hira.

### Perbanyak membaca Al-Quran

Seperti yang sedia maklum, Al-Quran merupakan kalam Allah penuh dengan petunjuk dan panduan bagi umat manusia terutamanya mereka yang beragama Islam menjalani kehidupan dengan taat. Sebaik-baik kitab juga adalah Al-Quran yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan pengajaran. Al-Quran mengandungi jawapan kepada segala persoalan hidup, baik yang berkaitan dengan hubungan antara manusia mahupun dengan Allah

Ta'ala. Kita juga penuh yakin jika semua orang tunduk dan berpegang kepada Al-Quran, nescaya dunia ini akan aman sejahtera.

Mengamalkan pembacaan Al-Quran juga banyak imbalan yang diperoleh kerana dengan mengaji Al-Quran ia dapat menjadikan keadaan persekitaran lebih tenang, aman dan penuh dengan keberkatan. Justeru, bagi sesiapa yang menjadikan amalan mengaji Al-Quran sebagai satu tabiat, mereka akan mendapat pahala yang berlipat ganda selain turut diberi kebaikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai seorang yang soleh.

Ia juga telah terbukti berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian; Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepada-Nya)". (Surah

Al-Fathir, ayat 29 - 30).

Dengan membaca atau mengaji Al-Quran dalam keadaan hati yang sabar dan tenang akan mendapat rahmat daripada Allah dan para malaikat juga memberi perlindungan dari segala kejahatan sama ada yang dapat dilihat atau tidak. Ia sama seperti kita membaca doa dan meminta pertolongan daripada Allah dan doa-doa tersebut datangnya daripada ayat yang terkandung di dalam Al-Quran. Mengaji Al-Quran turut mendatangkan kebaikan, kemuliaan serta syafaat yang pastinya tidak pernah dibayangkan oleh manusia. Bahkan hati yang ikhlas dalam mengaji dan membaca Al-Quran dapat membantu menyelamatkan diri seseorang dari segala kejahatan yang dapat dilihat atau tidak oleh mata kasar.

Siapa sangka amalan mengaji Al-Quran juga mampu membentuk peribadi seseorang menjadi lebih baik dan positif. Ini kerana dengan membaca kitab suci itu, hati akan lebih tenang dan aman selain mengawal diri daripada nafsu yang tidak baik.

Semoga melalui pembacaan dan pengamalan Al-Quran, kita dapat memperkukuhkan keimanan, meningkatkan ketakwaan serta menegakkan keadilan dan kebaikan dalam masyarakat.

**MENGAMALKAN** pembacaan Al-Quran juga banyak imbalan yang diperoleh kerana dengan mengaji Al-Quran ia dapat menjadikan keadaan persekitaran lebih tenang, aman dan penuh dengan keberkatan. Justeru, bagi sesiapa yang menjadikan amalan mengaji Al-Quran sebagai satu tabiat, mereka akan mendapat pahala yang berlipat ganda selain turut diberi kebaikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai seorang yang soleh.



# HIDUPKAN RAMADAN DENGAN TADARUS AL-QURAN

**Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar**

AHLI Tadarus Al-Quran Subuh dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar semasa sesi bergambar ramai pada majlis berkenaan.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 Februari. - Kehadiran bulan Ramadan yang penuh keberkatan, keampunan dan rahmat sentiasa dinantikan dan dirindui oleh seluruh umat Islam.

Bertadarus Al-Quran merupakan antara ibadah utama yang menghidupkan bulan yang dirindui ini yang diadakan di seluruh masjid, surau serta di rumah-rumah persendirian di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Ahli Tadarus Al-Quran Subuh dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar mengadakan Majlis Khatam Al-Quran selepas menamatkan bacaan 30 juzuk.

Majlis tersebut berlangsung di rumah kediaman Awang Haji Zulkifli bin Haji Rauf, salah seorang peserta khatam di Kampung Sungai Besar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh peserta khatam, Awang Abdul Rahim bin

Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Bacaan Doa Khatam dan Doa Tahليل dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhammad Hazman bin Mohd. Hairol Azme.

"Bulan Ramadan juga merupakan bulan di mana setiap amalan kebaikan dilipat gandakan pahalanya, dan bertadarus

menjadi salah satu cara terbaik untuk mengisi masa dengan ibadah yang bermanfaat," ujar beliau.

Tambahnya, suasana berkumpul membaca Al-Quran bersama keluarga dan rakan-rakan turut memupuk nilai kekeluargaan serta mengeratkan hubungan silaturahim, selaras dengan semangat Ramadan itu sendiri.

## Penyampaian sumbangan ringankan beban golongan memerlukan



**SUASANA** pada Majlis Penyampaian Sumbangan dan Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim, golongan asnaf dan ibu-ibu tunggal yang diadakan di salah sebuah restoran di Kampung Salambigar (kiri dan bawah kiri).

Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim, golongan asnaf dan ibu-ibu tunggal bertempat di salah sebuah restoran di Kampung Salambigar.

Hadir ialah Naib Yang DiPertua Majlis Perniagaan Wanita Brunei (WBC), Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia yang seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan.

Turut hadir ialah Pengasas Projek Amal Impian Cahaya Iman, Dayang Faridah binti Haji Mohd. Taufik.

Pada majlis berkenaan, seramai 15 orang anak yatim, 11 orang ibu tunggal dan enam orang ketua keluarga asnaf telah menerima sumbangan.

Sumbangan yang dihulurkan terdiri daripada barangan makanan asasi seperti beras, minyak masak, gula, tepung, makanan dalam tin serta keperluan harian yang lain.

Pemberian sumbangan tersebut merupakan salah satu usaha bagi meringankan beban kos sara hidup para penerima, khususnya di bulan Ramadan.

Selain itu, inisiatif yang dilaksanakan ini juga merupakan sebahagian daripada aktiviti kebajikan dalam menyemai budaya berkongsi rezeki serta menyuburkan semangat kasih sayang sesama masyarakat.

Sokongan berterusan daripada para penderma membuktikan bahawa nilai keprihatinan dan semangat bergotong-royong masih kukuh dalam kalangan masyarakat di negara ini.

**Oleh : Siti Rokiah Abdullah  
Foto : Ihsan Projek Amal Impian Cahaya**

**SALAMBIGAR,** Ahad, 1 Mac. - Amal Impian Cahaya Iman Majlis Perniagaan Wanita Brunei (WBC) dengan kerjasama Projek Penyampaian Sumbangan dan





الجمهورية الإسلامية بروني دارالسلام  
JAMAHIRUL MUJTAHIDIN BRUNEI DARUSSALAM  
Kementerian Hal Ehwal Ugama - Negeri Brunei Darussalam

## KADAR NISAB ZAKAT

TAHUN 1447H / 2026M

# \$13,463.15

BERSAMAAN NILAI EMAS 85G (\$158.39)

KADAR NISAB INI BERMULA PADA  
28 SYAABAN 1447H BERSAMAAN 16 FEBRUARI 2026M

Nisab Zakat Harta Bagi Tahun 1447H bersamaan 2026M adalah merujuk Surat Pemberitahuan Majlis Ugama Islam Brunei bilangan 1/2025 bertarikh 28hb Sya'aban 1447H bersamaan 16hb Februari 2026M

## Siri Baharu Keluarga Mata Wang mula diedarkan bermula 9 Mac

**Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 Mac. - Berikutan pengumuman Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengenai Siri Baharu Keluarga Mata Wang pada 22 September 2025, siri mata wang berkenaan adalah dalam denominasi BND1, BND5, BND10, BND100 dan BND500 serta boleh diperoleh melalui bank-bank tempatan bermula Isnin, 9 Mac 2026.

Pengedaran mata wang baharu berkenaan akan dilaksanakan melalui bank-bank tempatan, tertakluk kepada stok dan ketersediaannya.

Siri baharu berkenaan memperkenalkan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan selaras dengan perkembangan mata wang global agar mengukuhkan lagi integriti mata wang Negara Brunei Darussalam (NBD) serta mencegah pemalsuannya.

Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen BDCB dalam memastikan mata wang NBD kekal selamat dan boleh dipercayai, mengambil kira penggunaan mata wang fizikal masih memainkan peranan penting di samping peralihan negara ke arah ekonomi digital.

BDCB seterusnya ingin memaklumkan bahawa semua mata wang yang sedia ada dalam edaran masih sah diperlakukan dan boleh terus digunakan bersama-sama siri mata wang baharu berkenaan.

Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang BDCB di [www.bdc.gov.bn](http://www.bdc.gov.bn) atau melalui akaun Instagram BDCB, [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei).

# KONGSI REZEKI DI BULAN RAMADAN



**JERUDONG**, Ahad, 1 Mac. - Sebagai salah satu usaha dalam meringankan beban bagi golongan yang memerlukan terutama dalam membuat persiapan di bulan Ramadan dan Syawal, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'A' telah mengadakan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim dan golongan yang memerlukan yang diadakan

dalam satu majlis baru-baru ini.

Seramai 50 orang penerima yang bermastatutin di kawasan tadahan Kampung Jerudong telah menerima sumbangan tersebut yang terdiri daripada beras dan makanan asasi yang merupakan hasil tajaan Syarikat Raimmar Sendirian Berhad dengan kerjasama MPK Jerudong 'A'.

Majlis telah berlangsung di

rumah Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A', Awang Mohammad Nazmi Fa'iz bin Haji Abu Bakar yang juga selaku Pengerusi Acara Majlis.

Majlis tersebut dihadiri oleh para Pengarah Syarikat, Awang Haji Abd. Rahim bin Haji Johan dan Awang Haji Ahmad bin Wahab, serta Pengarah Urusan Syarikat, Awang Hussain Ahmad Madani bin Ahmad.

Majlis ini diadakan sebagai usaha menyemarakkan amalan kebajikan dan berkongsi rezeki di bulan Ramadan yang mulia, selaras dengan tuntutan agama Islam untuk membantu anak-anak yatim dan golongan yang memerlukan.

Pihak penganjur merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada pihak Syarikat Raimmar Sdn. Bhd. atas keprihatinan dan sokongan yang berterusan dalam

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'A'



menjayakan inisiatif kebajikan ini dan juga melaksanakan tanggungjawab sosial korporat syarikat tersebut. Program

seumpama ini diharapkan akan dapat diteruskan pada masa akan datang demi kesejahteraan masyarakat setempat.

## Mengukuhkan komitmen berterusan terhadap usaha murni komuniti prihatin



**SUASANA** pada majlis tersebut yang diadakan di Mid Valley Shopping Centre, Kampung Salambigar (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : SMARTER Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Program Iftar Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) menghimpunkan ahli-ahli SMARTER Brunei dan keluarga untuk berbuka puasa bersama dalam suasana kasih sayang dan kesyukuran.

Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang; dan Naib Presiden II, Major (B) Mohd. Talip bin Muhd. Tahir, turut hadir bagi memberikan sokongan kepada program sempena bulan suci Ramadan yang dianjurkan oleh Leesin Sdn. Bhd. dengan kerjasama Arno Zoey Wonderland Playground & Café, di Mid Valley Shopping Centre, Kampung Salambigar.

Majlis berkenaan dihasratkan untuk merapatkan lagi hubungan serta menghimpunkan kanak-kanak, penjaga, para penaja dan tetamu jempunan dalam suasana penuh kasih sayang, perpaduan dan kesyukuran.

Selain menikmati juadah berbuka puasa, kanak-kanak juga berpeluang bergembira menyertai permainan khas yang dikendalikan oleh Arno Zoey Wonderland Playground & Café sebagai inisiatif untuk berkongsi kegembiraan dalam suasana mesra keluarga.

Program CSR berkenaan mencerminkan nilai-nilai murni Ramadan dalam meningkatkan perpaduan dan kesyukuran, di samping mengukuhkan komitmen berterusan terhadap usaha murni komuniti prihatin di Negara Brunei Darussalam.



## Mempertingkatkan keikhlasan, perbaiki amalan di bulan Ramadan



**MAJLIS** tazkirah berkenaan menghimpunkan ahli-ahli Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam, persatuan-persatuan sahabat serta jemaah masjid dalam semangat silaturahim dan perkongsian ilmu (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) meneruskan siri pengisian rohani Ramadan dengan penganjuran Majlis Tazkirah bertemakan 'Bagaimana Ramadan Kita Setakat Ini?' pada minggu keduanya pagi tadi bertempat di Masjid Ash-Shalihin, Jalan Perdana Menteri.

Majlis ini mengajak masyarakat

untuk berhenti sejenak, bermuhasabah dan menilai perjalanan ibadah masing-masing sepanjang bulan yang penuh keberkatan ini.

Tazkirah telah disampaikan oleh Penolong Pensyarah di Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Pengiran Hajah Nur Izzati binti Pengiran Kasharan.

Dalam suasana yang

penuh ketenangan dan ukhuwah, para jemaah digalakkan untuk memperbaharui niat, mempertingkatkan keikhlasan serta memperbaiki amalan agar Ramadan yang dilalui benar-benar memberi kesan kepada jiwa dan akhlak.

Pengisian majlis bermula pada pukul 9.00 pagi dengan kehadiran para peserta, diikuti sesi tazkirah dan soal jawab.

Program diteruskan dengan Bacaan Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas dan Tahliil yang dipimpin oleh Asatizah daripada Persatuan Siswazah Wanita sebelum disempurnakan dengan Solat Fardu Zuhur Berjemaah setelah masuk waktu.

Majlis ini menghimpunkan ahli-ahli PSW, persatuan-persatuan sahabat serta jemaah masjid dalam semangat silaturahim dan perkongsian ilmu.

Lebih daripada sekadar sebuah ceramah, sesi ini menjadi ruang untuk saling mengingatkan bahawa Ramadan adalah perjalanan pembaikan diri yang berterusan.

# SAINTIS DARI SEPANYOL, REPUBLIK RAKYAT CHINA TEMUI JEJAK CICA K ERA JURASSIC DI EROPAH



XING Lida, seorang ahli paleontologi di Universiti Geosains China (Beijing), menunjukkan laluan biawak Jurassic fosil yang terpelihara dengan baik yang ditemui di Asturias, Sepanyol.

kerjasama 'penemuan fosil di lapangan dan simulasi makmal', sekali gus menjadi contoh baik untuk mentafsir evolusi tingkah laku reptilia purba.

Jejak tersebut ditemui di Formasi Lastres di tebing pantai Villaviciosa, yang dikenali sebagai 'Pantai Dinosaur' kerana penemuan banyak jejak kaki dinosaur dan reptilia purba yang lain.

Salah satu laluan jejak terdiri daripada tujuh kesan kaki, dengan pembuat jejak dianggarkan hampir 50 sentimeter (cm) panjang badan, manakala satu lagi laluan mengandungi enam kesan tapak kaki, dengan panjang badan pembuat jejak kira-kira 30cm panjang badan.

Penemuan ini mencatat rekod baharu sebagai penemuan terbaharu bagi jenis jejak ini di

peringkat global, dan ia menawarkan petunjuk baharu untuk memahami kepelbagaian reptilia kecil Jurassic, menurut kajian itu, yang diterbitkan dalam jurnal Ichnos pada hari Khamis.

Xing berkata bahawa penyelidik Republik Rakyat China menjalankan ujian makmal perbandingan di makmal di Wuxi, wilayah Jiangsu di timur Republik Rakyat China, untuk membandingkan jejak purba tersebut. Mereka mengkaji tingkah laku merangkak dua jenis cicak moden dengan memerhatikan mereka bergerak dalam bekas yang berisi pasir.

Melalui perbandingan antara kesan makhluk moden dan purba, para penyelidik telah mengesahkan bahawa mekanisme pergerakan tertentu dan postur berjaga-jaga cicak

moden mungkin telah wujud seawal 150 juta tahun yang lalu, mencerminkan "tahap konservatisme dalam evolusi kehidupan", kata Xing, sambil menambah bahawa kajian itu memberikan bukti berharga untuk kajian tingkah laku evolusi.

Menurut penulis bersama Jose Carlos Garcia-Ramos, juga pakar Eropah dalam kajian peninggalan vertebrata purba, bantuan teknologi moden membolehkan saintis membina semula pemandangan di mana makhluk prasejarah ini merangkak, berpaling, dan mungkin berhenti sejenak untuk memerhati di tanah lembap delta, sekali gus menyediakan peluang baharu untuk kajian global evolusi cicak Jurassic.

Fosil-fosil ini kini dipelihara dan dipamerkan kepada umum di MUJA. - ©XINHUA

BEIJING, 1 Mac. - Sekumpulan saintis antarabangsa dari Republik Rakyat China dan Sepanyol telah mengenal pasti dua laluan biawak fosil yang terpelihara dengan baik di Asturias, Sepanyol, menandakan rekod pertama laluan biawak Jurassic di Eropah.

Kajian yang dijalankan oleh pasukan yang diketuai oleh Laura

Pinuela dari Jurassic Museum of Asturias (MUJA), dengan kerjasama para ilmuwan termasuk Xing Lida dari China University of Geosciences (Beijing), kajian ini menyediakan data penting untuk rekod laluan biawak Jurassic Akhir yang sangat terhad.

Menurut para saintis, kajian itu turut menonjolkan model

## Pemimpin Agung Republik Islam Iran Khamenei terbunuh dalam serangan

TEHRAN, 1 Mac. - Pemimpin Agung Republik Islam Iran Ayatollah Ali Khamenei, telah terbunuh susulan serangan oleh rejim Israel dan Amerika Syarikat (AS), lapor Agensi Berita Republik Islam (IRNA).

Beliau telah syahid susulan serangan pada pagi Sabtu, menurut laporan itu.

Kabinet mengisytiharkan 40 hari tempoh berkabung awam dan tujuh hari cuti umum berikutan kematiannya.

Khamenei, yang dilahirkan

pada 1939 di bandar Mashhad, pernah berkhidmat sebagai Presiden Republik Islam Iran dari 1981 hingga 1989 sebelum menjadi Pemimpin Agung kedua negara itu pada 1989 susulan kematian Ruhollah Khomeini. - ©BERNAMA

## Setiausaha Agung PBB desak hentikan segera pertempuran antara Republik Islam Pakistan dan Afghanistan

NEW YORK, 28 Feb. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Jumaat menyeru supaya pertempuran antara Afghanistan dan Republik Islam Pakistan dihentikan serta-merta, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Jurucakap Guterres, Stephane Dujarric berkata dalam satu kenyataan media bahawa Setiausaha Agung "sangat bimbang dengan peningkatan keganasan antara Afghanistan dan Pakistan serta kesan keganasan itu terhadap penduduk awam".

Beliau menambah bahawa Guterres "menyeru supaya pertempuran dihentikan segera, dan beliau mengulangi seruannya kepada kedua-dua pihak untuk menyelesaikan sebarang perbezaan melalui diplomasi". - ©BERNAMA

## Sekurang-kurangnya 15 maut pesawat tentera Bolivia terbabas di landasan

RIO DE JANEIRO, 28 Feb. - Sekurang-kurangnya 15 orang terkorban apabila sebuah pesawat Tentera Udara Bolivia terbabas dari landasan dan melanggar beberapa kenderaan semasa mendarat, menurut media tempatan pada Jumaat yang memetik pihak bomba, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Puluhan mangsa lain cedera dan telah dibawa ke hospital.

Laporan awal menyatakan kira-kira 15 kenderaan

berhampiran tapak kejadian mengalami kerosakan atau musnah.

"Antara kenderaan yang terjejas adalah bas mini, kereta persendirian dan juga sebuah lori treler yang dirempuh semasa pesawat itu terbabas. Beberapa kenderaan hancur menjadi timbunan besi buruk, dan terdapat mayat di bawah serpihan itu," kata pengarah bomba Bolivia Pavel Tovar, menurut portal berita La Razon.

Beliau tidak menolak kemungkinan angka kematian boleh meningkat. Punca kejadian masih belum diketahui.

Pesawat itu dilaporkan membawa wang tunai. Orang ramai berkumpul di tempat kejadian dan cuba merampas wang kertas tersebut.

Pihak berkuasa menggunakan air dan bahan kimia untuk menyuraikan orang ramai dan mengembalikan kawalan. - ©BERNAMA

## Republik Indonesia, Mongolia tegaskan semula peluasan kerjasama pada ulang tahun ke-70

JAKARTA, 28 Feb. - Republik Indonesia dan Mongolia menyambut ulang tahun ke-70 hubungan diplomatik dengan menegaskan semula bahawa potensi kerjasama antara kedua-dua negara kekal sangat luas, sambil kedua-dua pihak berikrar untuk mengukuhkan lagi perkongsian mereka.

Kementerian Luar Indonesia menyatakan bahawa detik bersejarah itu diraikan melalui penglibatan peringkat tinggi yang diadakan di Jakarta pada 26 Februari yang dipengerusikan bersama oleh Naib Menteri Luar Republik Indonesia Arrmanatha C. Nasir dan rakan sejawatnya dari Mongolia, Amartuvshin Gombosuren.

Semasa pertemuan itu, kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai trajektori positif hubungan dua hala dan membincangkan peluang untuk meluaskan kerjasama dalam sektor ekonomi strategik, pertahanan, pertanian, pendidikan, kesihatan, hubungan antara rakyat, pelancongan, serta sains dan teknologi.

"Peningkatan penglibatan antara pelaku perniagaan adalah kunci, termasuk melalui Memorandum Persefahaman (MoU) antara dewan perniagaan sebagai jambatan untuk meluaskan perdagangan, pelaburan, dan perkongsian perniagaan," kata Arrmanatha dalam kenyataan itu pada Jumaat.

Kementerian itu memaklumkan bahawa mesyuarat berkenaan menyusuli pemeteraian MoU mengenai Perundingan Politik oleh Menteri Luar kedua-dua negara di Jakarta pada Mei 2025, dan berfungsi sebagai asas untuk mengukuhkan seni bina dialog dua hala yang lebih terancang dan mampan.

Semasa mesyuarat itu, kedua-dua pihak mengambil maklum bahawa Republik Indonesia mempunyai kapasiti untuk menyokong pembangunan sumber manusia melalui program latihan pembangunan pertanian mampan.

Dalam bidang pendidikan, kedua-dua pihak menyatakan komitmen untuk memperkukuh kerjasama melalui pelbagai program biasiswa Republik Indonesia, termasuk Biasiswa Bantuan Indonesia (TIAS), Biasiswa Seni dan Budaya Indonesia (BSBI), latihan pembinaan kapasiti untuk diplomat Mongolia, serta program Perkongsian Negara Membangun.

Kedua-dua negara turut membincangkan perkembangan geopolitik global dan usaha untuk meningkatkan kolaborasi dalam forum serantau dan pelbagai hala.

"Sebagai langkah konkrit untuk memperkukuh dialog dasar luar, kedua-dua pihak akan meneroka penubuhan Dialog Perancangan Dasar antara kedua-dua Kementerian Luar bagi memperdalam penyelarasan strategik dan bertukar pandangan mengenai dinamik Indo-Pasifik serta isu global," menurut Kementerian itu.

Kementerian itu menyatakan bahawa hubungan Republik Indonesia-Mongolia terus menunjukkan trend positif, khususnya dalam perdagangan dengan jumlah perdagangan antara kedua-dua negara pada 2025 mencecah US\$56 juta, iaitu eksport Republik Indonesia berjumlah US\$49.5 juta, manakala import dari Mongolia US\$6.5 juta.

Hubungan itu juga diperkukuh dengan kewujudan satu-satunya Pusat Kebudayaan Mongolia di Asia Tenggara, yang terletak di Tanjung Lesung, Banten. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## DPMM FC MENANG BERGAYA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman,  
Tangkap Layar RTBGo

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 Februari. - Kelantan The Real Warriors FC terus melalui detik sukar apabila DPMM FC menewaskan dengan 0 - 3 dalam Perlawanan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, baru-baru ini.

Pada babak pertama perlawanan, menyaksikan DPMM FC mempamerkan aksi lebih tersusun apabila membuka tirai jaringan seawal minit ke-12 menerusi penyerang berbisa, Jordan Murray yang bijak memanfaatkan peluang di depan gawang pihak lawan.

Pada minit ke-23, DPMM FC berusaha dengan gigih dan berhasil apabila Awang Muhd. Syafiq Ahmad menggandakan

DPMM FC beroleh kemenangan selesa dengan jumlah jaringan 3 - 0 terhadap pasukan Kelantan The Real Warriors FC di Stadium Majlis Perbandaran Selayang.

jaringan pada minit ke-23 untuk meletakkan DPMM FC dalam keadaan selesa.

Memasuki babak kedua perlawanan, Kelantan The Real Warriors FC bangkit dan lebih agresif bagi meraih jaringan bagi pihak mereka. Namun nasib jelas tidak menyebelahi apabila DPMM FC terus cemerlang menambah jaringan ketiga pada minit ke-69 menerusi pemain Jordan Rodrigues yang menyudahkan sepakan Awang



Muhammad Hakeme Yazid Said. Dengan kemenangan itu, DPMM mengumpul 21 mata

daripada 18 perlawanan melonjak ke kedudukan keenam liga. Untuk perlawanan seterusnya, DPMM

FC akan menentang Pasukan Johor Darul Ta'zim pada Sabtu, 14 Mac 2026 ini nanti.

## Pan Gon mahu pemain Selangor anggap setiap aksi sebagai perlawanan akhir

**MELAKA,** 1 Mac. - Ketua jurulatih Selangor FC, Kim Pan Gon mahu anak buahnya menganggap setiap aksi yang berbaki seperti perlawanan akhir ketika perjuangan diteruskan untuk memburu tempat kedua Liga Super susulan seri 0 - 0 menentang Melaka FC di Stadium Hang Jebat di sini malam tadi.

Beliau yang kecewa dengan kegagalan meraih kemenangan penting malam tadi menyifatkan keputusan itu sebagai merencatkan usaha Red Giants untuk menamatkan saingan Liga Super musim ini sebagai naib juara.

"Kami memulakan perlawanan dengan baik tetapi berakhir dengan kekecewaan. Jika mahu bergelar naib juara, kami perlu menang aksi seperti ini. Kami masih belum berada pada tahap itu. Kami belum cukup kuat dan kami mesti menjadi lebih baik serta berusaha lebih keras," katanya kepada pemberita selepas perlawanan.

Beliau berkata kedua-dua pasukan mempunyai peluang untuk menjaringkan gol kemenangan tetapi gagal menyudahkannya, menyebabkan perlawanan berakhir dengan keputusan seri.

Mengenai ketumpuhan jentera serangan Selangor FC, pengendali dari Republik Korea itu mengakui perkara tersebut merupakan aspek yang memerlukan penambahbaikan.

"Kadang-kadang kami bermain dengan sangat baik dan boleh menjaringkan sampai lima gol. Kadang-kadang keadaan jadi sebaliknya. Bukan hanya dalam perlawanan ini. Jika kami mahukan prestasi yang lebih baik,

kami mesti memperbaiki bahagian ini," katanya.

Pan Gon berkata skuad bimbingannya berdepan tugas sukar untuk menembusi benteng lawan yang bertahan secara kompak, namun pada masa sama menegaskan penting untuk mereka mencari cara untuk mengatasi cabaran tersebut.

"Pasukan lawan bermain dengan sangat kompak di dalam kotak penalti, tetapi jika anda ingin menduduki tempat kedua, anda mesti mengatasinya. Kami sudah mencuba dan saya tidak boleh menyalahkan sesiapa. Para pemain telah melakukan tugas yang cemerlang. Kami tidak boleh menang setiap masa. Ini sangat menyakitkan dan mengecewakan, tetapi kami perlu terus berjuang," katanya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Melaka FC E. Elavarasan berkata walaupun pasukannya gagal meraih kemenangan dalam dua perlawanan di laman sendiri sebelum ini, para pemain telah menunjukkan peningkatan dari segi keyakinan.

Beliau berkata anak buahnya menunjukkan disiplin yang baik, terutama dalam mengekang gawang daripada dibolosi lawan.

"Dengan baki tujuh perlawanan, sudah tentu perkara utama ialah berjuang untuk meraih mata," katanya.

Selangor kini menduduki tempat kedua liga dengan 36 mata manakala Melaka kekal di tangga ke-12 dengan 11 mata. - ©BERNAMA

## Kemarau lapan tahun berakhir, Jin Wei rangkul gelaran di Republik Singapura

**KUALA LUMPUR,** 1 Mac. - Pemain perseorangan wanita profesional negara Goh Jin Wei menamatkan kemarau kejuaraan selama lapan tahun apabila muncul juara Kejohanan Cabaran Antarabangsa Singapura, hari ini.

Pilihan ketiga itu menepati ramalan apabila hanya mengambil masa 30 minit untuk menewaskan pemain Republik Indonesia yang tidak diletakkan sebagai pilihan, Komang Ayu Cahya Dewi, 21 - 11, 21 - 11 pada aksi final yang berlangsung di Singapore Badminton Hall East Coast @

Expo.

Kejayaan itu menyaksikan pemain ranking ke-55 dunia berkenaan meraih gelaran sulung Persekutuan Badminton Dunia (BWF) sejak menjuarai Cabaran Antarabangsa Orleans di Paris pada 2016.

Pemain berusia 26 tahun itu sebelum ini turut meraih pingat emas perseorangan wanita Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur, emas Sukan Olimpik Remaja 2018 di Buenos Aires serta muncul juara Kejohanan Dunia Remaja sebanyak dua kali pada 2015 dan 2018. - ©BERNAMA

## Moto3 : Hakim Danish buka tirai musim 2026 di tangga ke-18

**KUALA LUMPUR,** 1 Mac. - Pelumba muda berbakat negara, Muhammad Hakim Danish Ramli menamatkan perlumbaan sulung Moto3 musim 2026 dengan menduduki tempat ke-18 pada Kejuaraan Motosikal Dunia (MotoGP) Grand Prix (GP) Thailand di Litar Antarabangsa Chang, Buriram, hari ini.

Bermula dari petak ke-15, pelumba AEON Credit-MT Helmets-MSI itu bergelut untuk mencabar kelompok hadapan, sekali gus menyaksikannya melengkapkan perlumbaan 19 pusingan di litar sepanjang 4.554 kilometer tersebut dengan ketinggalan +25.810 saat (s) di belakang juara David Almansa daripada Liqui Moly Dynavolt Intact GP.

Almansa merekodkan 32 minit 14.18s untuk menafikan saingan sengit Maximo Quiles dari CFMOTO Gaviota Aspar Team yang terpaksa berpuas hati di tempat kedua selepas dipisahkan dengan perbezaan masa hanya +0.003s dan pelumba Red Bull

KTM Tech3, Valentin Perrone melengkapkan kedudukan podium di tempat ketiga (+9.480s).

Almansa kini mengungguli carta kejuaraan dengan 25 mata diikuti Quiles (20 mata), Perrone (16 mata) dan Hakim Danish pula gagal mengutip sebarang mata daripada GP Thailand.

Sementara itu, pelumba remaja negara Qabil Irfan Azlan berjaya meraih kedudukan podium pertamanya musim ini pada perlumbaan kedua pusingan pertama Moto4 Piala Asia 2026 di litar sama.

Qabil Irfan muncul naib juara dengan catatan 26:56.174s di belakang juara Hayato Chishiki dari Jepun (26:53.974s), manakala Bintang Pranata dari Republik Indonesia di tempat ketiga (27:03.698s).

Keputusan tersebut menyaksikan Qabil Irfan menebus kegagalan meraih kedudukan podium pada perlumbaan pertama semalam dengan menamatkan cabaran di tempat keenam (27:04.211s). - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

RAIH KEBERKATAN RAMADAN DENGAN BERSEDEKAH